# Pelita Brunei

DI-TERBITKAN PADA TIAP2 HARI RABU

AKHBAR RASMI KERAJAAN NEGERI BRUNEI

TAHUN 25 BILANGAN 49 | RABU 3HB DISEMBER, 1980. | رابو 25 محرم 1401 | PERCHUMA



## PUTERI KEDUA KEBAWAH DYMM ANTARA PELAJAR TERBAIK

BANDAR SERI BEGAWAN. — Puteri Kedua kapada Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Dipertuan Negeri Brunei Sir Muda Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah dan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Raja Isteri Pengiran Anak Saleha, Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Puteri Muta-Wakkilah Hayatul Bolkiah ada-lah di-antara pelajar terbaik Sekolah Saint Andrews yang menerima hadiah di-Majlis Hari Uchapan Tahunan dan Penyampaian Hadiah yang berlangsong pada petang hari Ahad lalu, 30hb Nobember, 1980, bertempat di-dewan sekolah tersebut di-ibu negeri (gambar kanan).

Beruchap di-Majlis petang itu ia-lah Bishop Datuk Basil Temenggong. Terdahulu dari itu, Timbalan Pengerusi Lembaga Jawatankuasa Pentadbir Sekolah Saint Andrews, telah memberikan uchapan alu2an dan di-ikuti dengan Laporan Sekolah oleh Awang P. G. Kosby, Pengetua Sekolah tersebut.

Antara yang hadhir di-Hari Uchapan Tahunan dan Penyampaian Hadiah itu ia-lah Tetamu Kehormat, Yang Amat Mulia Pengiran Lela Cheteria Sahibon Najabah Pengiran Anak Haji Abdul Aziz. Majlis itu di-hadhiri oleh ibu bapa murid2 dan penuntut2 Sekolah Saint Andrews.

Sa-lain dari penyampaian hadiah kapada kira2 108 pelajar terbaik, achara2 yang di-adakan petang itu ia-lah Penyampaian Surat Pengakuan dan Sijil Berhenti Sekolah kapada 33 orang penuntut2 Tingkatan Lima, dan penyampaian hadiah Peringatan William Marshall. Majlis tersebut kemudian-nya di-serikan dengan persembahan pentas yang berchorak kebudayaan.



## Pesurohjaya Tinggi Australia lawat Brunei

BANDAR SERI BEGAWAN.—Pesurohjaya Tinggi Australia ka-Malaysia, Awang Woodard yang di-sertai oleh isteri beliau dan sa-orang pegawai di-Pejabat Surohanjaya Tinggi Australia, Awang Spurr telah membuat lawatan ka-negeri ini sa-lama empat hari pada minggu lalu.

Sa-masa berada di-Brunei, Pesurohjaya Tinggi Australia ka-Malaysia, Awang Woodard telah mengadap ka-hadapan majlis Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Dipertuan Negeri Brunei.

Awang Woodard juga mengadakan pertemuan2 dengan pegawai2 kanan Kerajaan di-samping membuat kunjongan2 tidak rasmi ka-tempat2 yang menarek di-negeri ini.

Antara lawatan mereka termasok-lah ka-Muzium Brunei di-Kota Batu. Lawatan mereka ka-tempat bersejarah itu telah di-alu2kan oleh Pengarah Muzium2 Brunei, Dato Paduka P. M. Sarifuddin (gambar atas).

Sementara itu, isteri beliau Dayang Helen Woodard juga telah membuat lawatan ka-Pusat Latehan Pertukangan dan Kesenian di-Kampong Perpindahan Berakas.

Mereka telah meninggalkan Brunei dan berlepas ka-Malaysia Barat pada hari Jumaat lalu.

## Kursus Setiausaha2 Sulit

BANDAR SERI BEGAWAN. — Satu kursus empat hari bagi Setiausaha Sulit akan di-adakan di-Pusat Latehan, Jabatan Perjawatan, Jalan Berakas di-sini mulai 8hb Disember, 1980.

Kursus tersebut akan di-sertai oleh sa-banyak 16 orang Setiausaha2 Sulit dari beberapa jabatan kerajaan.

Ia-nya ada-lah merupakan kursus yang julong2 kali-nya di-anjorkan dan akan di-kendalikan oleh Dayang Paz A de Leon ia-itu sa-orang pensharah yang mahir yang di-datangkan dari Filipina.

## Manis-nya Iman

ANAS (radhiallahu 'anhu) mencheritakan, Rasulullah (sallallahu 'alaihi wassallam) pernah berdo'a: "Ya Allah! Tiada-lah suatu itu menjadi mudah melainkan Engkau kehendaki, hanya Engkau-lah yang berkuasa merengankan kedukaan." — HADITH Nabi di-riwayatkan oleh Ibnu Sunni.

# REBUT PELUANG YANG DI-SEDIAKAN KERAJAAN

KAMPONG KASAT. — Umat Islam di-negeri ini di-seru supaya merebut peluang2 yang ada di-sediakan oleh Kerajaan DYMM bagi maksud memenohi berbagai2 tuntutan kewajipan fardhu kifayah demi untok meningkatkan ketinggian, kekuatan dan kemajuan masharakat Islam.

Beruchap demikian sajurus sa-belum merasmikan Masjid baru Kampong Kasat pada hari Jumaat lalu, Pengarah Kerja Raya, Yang Berhormat Dato Seri Paduka Haji Talib bin Derwish menekankan, salah satu kelemahan umat Islam sekarang ini ada-lah berpuncha daripada pengabaian terhadap tuntutan fardhu kifayah.



Y.B. Dato Seri Paduka Haji Talib bin Derwish membuka tirai papan perasmian sa-bagai tanda pembukaan rasmi Masjid Kampong Kasat.

Menurut Pengarah Kerja Raya, amalan di-dalam bidang fardhu kifayah di-dalam masharakat Islam hari ini sudah begitu sempit. Oleh kerana itu katanya, tuntutan fardhu kifayah yang di-fahami oleh masharakat Islam kini hanya mengenai soal2 sembahyang berjemaah dan menguruskan jenazah.

Tetapi, tegas Yang Berhormat Dato Seri Paduka Haji Talib bin Derwish, tuntutan fardhu kifayah itu ada-lah meliputi persoalan2 perekonomian, siasah, pertahanan, perdagangan dan sa-umpama-nya.

Yang Berhormat Dato Seri Paduka Haji Talib mengingatkan lagi, umat Islam perlu-lah memupok kesedaran bagi meningkatkan kemajuan dalam bidang fardhu kifayah untok menchapai ketinggian mertabat dan kedudokan umat Islam untok mengatasi kelemahan2 yang maseh terdapat sekarang.

"Di-samping kita umat Islam mengukohkan keimanan kapada Allah s.w.t. dan membuat amal ibadat yang menjadi fardhu 'Ain ka-atas kita orang Islam, kesempurnaan masharakat dan negara kita hanya akan dapat di-chapai dengan mempergiatkan usaha2 dan tenaga kita bagi menchapai tuntutan2 fardhu kifayah itu," ujar-nya.

Menyentoh mengenai pembenaan masjid2 di-negeri ini ia-nya bertujuan memberi kemudahan2 beribadat yang lebeh baik dan selesa kapada umat Islam di-satu2 kawasan di-mana terdapat ramai pendudok2 Islam. Ini ada-lah bagi mensesuaikan kehendak2 masa dan bagi menyemarakkan lagi shi'ar Islam di-negeri ini.

Lihat muka 18

Pelita Brunei

DI-TERBITKAN PADA TIAP2 HARI RABU

AKHBAR RASMI KERAJAAN NEGERI BRUNEI

3HB DISEMBER, 1980

*Dengan nama Allah yang pemurah dan maha penyayang*

# DARI SIRI LAWATAN

SAMA ADA di-sedari atau tidak bahawa sa-bahagian dari ranchangan2 sambutan awal tahun hijrah 1401 ini ada-lah sa-umpama "membuka pintu" atau "memberi jalan" atau "memberi ilham" sa-suatu perkara yang patut di-lakukan terutama-nya pada sudut2 yang boleh mendekatkan hubongan sa-sama insan.

Perkara sa-umpama ini, bukan-lah di-maksudkan kalau tidak di-bangunkan maka-nya tidak bangun atau kalau tidak di-korek maka-nya tidak bersen. Pun saperti yang di-perlihatkan oleh sambutan2 itu, kesedaran kita di-Brunei ada-lah jelas terhadap perkara2 yang "patut" berjalan di-kalangan masharakat kita di-negeri ini. Ini juga berma'ana bahawa "pintu", "jalan" dan "ilham" itu sudah ada; tinggal ganya lagi ia-nya belum ada terjumpa "pairama" yang sesuai dan "sukut" yang baik untok membuka pintu, menjalani jalan dan memeterikan ilham itu. Maka itu, sambutan tahun hijrah 1401 ini dapat-lah di-anggap sa-bagai pairama dan sukut yang baik untok melancharkan sa-suatu perkara yang baik lagi berkebajikan itu.

Antara perkara2 yang menarek ka-arah yang kita maksudkan itu ia-lah siri lawatan2 saperti yang di-lakukan oleh pegawai2 kanan Kerajaan dan siswazah2 serta lawatan ka-rumah2 sakit oleh ahli2 Dewan Perniagaan Melayu Brunei.

Siri ini, nampak-nya kechil pada sebutan dan ringan pada penglihatan kebanyakan orang. Tetapi dari segi peranan-nya dan kesan yang akan di-dapat ada-lah memberi ma'ana yang besar terutama dalam chita2 untok menikmati sa-buah masharakat Brunei yang membangun.

Lawatan pegawai2 kanan Kerajaan dan siswazah2 memberikan menafa'at dan kesedaran tiga sudut ia-itu pegawai2 kanan Kerajaan tidak tertumpu semata2 kapada theori2 pentadbiran, pembangunan dan perkembangan, malah ada-lah penting bagi mereka memerhatikan bagaimana perlaksanaan theori2 itu sendiri kerana bukan-nya tidak mungkin ada-nya theori2 yang tidak chuchok untok Brunei dan bumi-nya. Lawatan itu juga menjadi peluang yang besar bagi mereka untok melihat bagaimana orang2 kita bertugas dan darinya juga mungkin ada perkara2 yang patut di-kemaskan.

Di-kalangan siswazah itu pula, mereka dapat melihat bagaimana hubongan pegawai2 itu dengan masharakat dan bagaimana projek2 di-jalankan. Sabagai anggota masharakat yang dalam gulongan bakal pemimpin itu, siswazah2 tersebut menerima gambaran2 yang luas akan keadaan alam negara mereka dan memberi peluang yang besar pula untok mereka mengambil iktibar pada mengesankan hasrat Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia untok meluaskan pembangunan raayat dan negara pada jalan2 yang diredhai oleh Allah.

Di-pehak yang di-lawati pula, biasa-nya sudah barang tentu mereka itu akan berbesar hati, sekurang2-nya mereka di-jengah dan hal ini mereka merasa betapa mereka itu di-kelinga dan tidak di-biarkan sepandai2 mereka. Ini akan meyakinkan lagi pada diri mereka atas nama orang2 yang di-amanahkan dan akan kental lagi pada pandangan dan pegangan mereka terhadap "amanah" itu.

Lawatan ahli2 Dewan Perniagaan Melayu ka-rumah2 sakit pula ada-lah mempunyai kedudokan yang sama saperti apa yang di-sarankan di-atas. Walau pun mereka itu bukan orang2 Kerajaan, tetapi taraf mereka dalam masharakat ada-lah tinggi, malah sabilangan besar masharakat menganggap mereka itu dalam golongan umpama pohon tempat berlindong. Mengenai dengan mereka ini, ada-lah kena pada tempat-nya yang mereka itu berbuat demikian. Sebab, kalau sa-lama ini biasa kita dengar lawatan2 dari pertubohan2 bukan Melayu, maka elok benar-lah di-ketika ini langkah2 yang demikian di-lakukan. Atas langkah mereka itu, tidak shak lagi masharakat menyanjong tinggi dan merupakan satu kebanggaan kapada masharakat Brunei. Ini menunjokkan yang dewan itu juga menampakkan rasa tanggong-jawab mereka terhadap masharakat.

# PADA HEMAT SAYA....

## "Sa-butir biji gandum"

"BERAPA rezeki mu dalam sa-tahun?"

Pertanyaan itu sa-akan2 mahu menyukat saiz periok nasi orang yang di-tanya.

Lalu jarang ada orang menyenangi kalau di-tanya sa-demikian. Sama juga halnya orang tidak senang kalau ada orang lain memanjangkan leher menjengok sampai kadapor rumah-nya.

Chuma perkataan 'rezeki' itu agak berbau klasik berbanding dengan lain2 perkataan saperti 'habuan', 'pendapatan' dan 'gaji' atau sa-bagai-nya lagi.

Sa-betul-nya ia memang klasik apabila yang di-tanya menjawab: **"Sa-butir biji gandum!"**

Ya-lah! Mana ada orang yang chukop makan dengan sa-butir biji gandum, apatah lagi untok sa-tahun.

Tapi, demikian-lah pertanyaan itu telah di-jawab dengan jujor sekali.

Dan nyata-nya bukan di-zaman kita ini.

* * *

KATA yang ampunya cherita, apabila saja yang di-tanya memberikan jawaban-nya sa-demikian maka ia pun di-masokkan kadalam suatu bekas dengan di-bekalkan sa-butir biji gandum dan kemudian bekas itu di-tutop rapat.

*(Nampak-nya hal itu bertujuan menduga).*

Kemudian apabila tempoh sa-tahun maka bekas tersebut pun di-buka.

Aneh-nya, gandum yang di-bekalkan itu di-dapati tinggal saparoh. Yakni: tidak di-habiskan !

Lalu di-tanyakan-lah kapada yang 'di-kurong' sa-lama sa-tahun dengan berbekalkan sa-butir biji gandum itu: *"Mengapa tidak kau makan baki yang sa-paroh lagi ?*

Pertanyaan itu lurus saja, tidak berlapis2.

Dan yang di-tanya juga menjawab dengan lurus.

**"Begini,"** kata-nya memulakan jawaban-nya. **"Sa-belum di-masokkan ka-dalam bekas ini saya serahkan bulat2 nasib saya kapada Allah. Saya tidak perlu bimbang menghabiskan sa-butir biji gandum sebab saya yakin Allah tidak akan melupakan nasib saya seterus-nya."**

Jawaban-nya tidak sa-takat itu saja, ia kemudian menyambong: **"Tetapi apabila tuan masokkan saya ka-dalam bekas bertutop ini ternyata nasib saya bergantong kapada tuan, lalu sengaja saya tinggalkan sa-paroh bekalan ini sebab saya terfikir mana-lah tahu tuan terlupa yang saya berada di-dalam maka baki sa-lebeh-nya ini-lah untok menchukopkan bekalan saya sa-tahun lagi itu ! "**

Ya! Pertanyaan yang lurus telah di-jawab dengan lurus juga.

* * *

ORANG yang ampunya cherita menjalinkan cherita-nya sa-takat di-situ saja.

Dan betul memangnya kesah klasik darihal sa-orang raja bertaraf nabi yang di-beri keistimewaan oleh Allah memerentah bukan saja manusia dan jin malah juga haiwan.

Baginda ia-lah Nabi Sulaiman ('alaihis salam). Kesah tadi ia-lah sa-bahagian dari rangkaian episod kesah2 Baginda dengan sang semut . . . . !

Tak hairan-lah kalau sa-butir malah sa-paroh biji gandum chukop untok makan sa-tahun. Itu nyata-nya 'rezeki' semut.

Tapi thema dan motif kesah-nya bukan-lah mengenai kadar banyak atau sedikit, chukop atau kurang atau pun berlebeh.

Awda sendiri tentu dapat menyelok isi cherita-nya.

Ya! Awda tentu saja dapat menyelok-nya saperti barangkali awda menyelok kochek seluar atau baju awda untok mengetahui apa-kah 'rezeki' awda maseh berbaki atau tidak.

Sa-lanjut-nya, tentu boleh juga awda menyingkap moral di-sa-balek cherita-nya.

Ya! Tentu saja awda mungkin dapat menyingkap-nya saperti menyingkap lembaran chatetan harian awda untok mengetahui ada-kah di-dalam-nya terchatet kata2 yang sa-akan2 sama dengan jawaban sang semut berhubong dengan rezeki dan untong nasib-nya sa-belum dan sa-telah di-masokkan ka-dalam bekas bertutop itu.

* * *

*Pengujongan kata . . .*

Mengikut kiraan haribulan Hijrah, kita sekarang dalam penghujong bulan pertama tahun baharu.

Sementara mengikut kiraan haribulan Masehi pula kita sedang berada pada bulan terakhir menjelang tahun baharu.

Yang pertama itu menandakan kita berada di-pangkal, sedang yang kedua pula menandakan kita berada di-ujong.

Bukan-lah pula ada apa2, 'pangkal' dan 'ujong' itu sa-kadar kiraan bulan yang kedua2-nya maseh sama saja dua belas bulan dalam sa-tahun.

Maka ketika berfikir2 dan merenong2 di-pangkal di-ujong tahun ini-lah hemat saya berkisar sakitar kesah yang di-kesahkan tadi.

Ya! Kesah semut yang rupa-nya sentiasa sedar akan untong nasib-nya baik sa-belum atau sa-sudah di-masokkan ka-dalam bekas bertutop dengan berbekalkan sa-butir biji gandum. . . . — *Ketua Pegawai Penerangan.*

***Ya! Tentu saja awda mungkin dapat menyingkap-nya saperti menyingkap lambaran chatetan harian awda untok mengetahui ada-kah di-dalam-nya terchatet kata2 yang sa-akan2 sama dengan jawaban sang semut berhubong dengan rezeki dan untong nasib-nya sa-belum dan sa-telah di-masokkan ka-dalam bekas bertutop itu.***



HADHIRIN menunaikan sembahyang fardhu maghrib berjemaah sa-belum majlis cheramah. Kelihatan (ketiga dari kiri) ia-lah Pemangku Pegawai Daerah Belait, Yang Mulia Pengiran Idriss ibni YTM Pengiran Temanggong Pengiran Haji Mohammad.

# SAMBUTAN 1401 HIJRAH ANJORAN KMS SERIA

SERIA. — Kelab Melayu Shell Seria, telah mengadakan satu majlis cheramah dan sembahyang berjemaah sempena sambutan Tahun Hijrah 1401 yang telah di-adakan di-kelab tersebut di-sini pada malam Selasa 16hb. Nobember yang baru lalu.

Majlis pada malam itu telah di-mulakan dengan sembahyang Fardhu Maghrib kemudian-nya di-ikuti dengan uchapan alu2an oleh Awang Sulaiman bin Haji Damit dan di-ikuti dengan cheramah khas yang telah di-sampaikan oleh Awang Haji Badaruddin bin Pengarah Haji Othman, Ketua Pegawai Penerangan, Jabatan Setia Usaha Kerajaan.

Dalam cheramah-nya Ketua Pegawai Penerangan lebeh membicharakan soal2 kehidupan harian yang di-lalui dan di-jalani oleh sa-tiap orang mukmin yang berteras dan berchorakkan keIslaman yang lebeh merupakan sa-bagai "routine' yang meliputi serba-serbi kehidupan.

Antara-nya perkara yang biasa di-lakukan pada sa-tiap hari oleh orang yang berugama Islam ia-lah sembahyang lima waktu dan menchari nafkah hidup dengan chara yang halal, jujor dan berpandukan ajaran2 Ugama Islam serta lain2 perkara yang bersangkut-paut dengan ajaran2 Islam.

Kata-nya, "Sa-tiap pekerjaan yang di-jalankan hendak-lah di-sertai dengan perasaan jujor dan titeh."

Walau bagaimana pun tambah-nya, dalam menjalani kehidupan sekarang ini orang2 kita, sudah pun memboktikan yang mereka berhidup dalam suasana yang berlandaskan dan menurut chara2 ajaran-ajaran Islam.

Ini kata-nya lagi, di-mana hampir sa-tiap keadaan kita dewasa ini memperhitongkan kepentingan keugamaan dan dengan semangat itu-lah tidak hairan kita telah dapat mengekalkan kesejahteraan hidup bagi semua lapisan masharakat di-negeri ini sama ada ia kebetulan orang Islam atau bukan Islam.

Sebab itu-lah, kata-nya, suasana tersebut tidak sapatut-nya menimbulkan masaalah komplekasi dalam diri sa-seorang antara kita.

Turut hadhir di-majlis itu termasok-lah Pegawai Daerah Belait, Pengiran Idris Ibni Al-Marhum Pengiran Temanggong Sahibol Bahar Pengiran Haji Mohammad, Penolong-nya, Awang Kassim bin Haji Johan, Awang Haji Metussin bin Haji Timbang, Kadzi Daerah Belait, Awang Abdul Ghani bin Pehin Datu Pekerma Dewa Awang Haji Abd. Rahim, Pegawai Pentadbir Pejabat Daerah Belait dan Penghulu Mukim Belait, Pengiran Haji Md. Said bin Pengiran Ahmad serta lebeh daripada 50 orang ahli2 Kelab Melayu Shell Seria.

# Bulan Sabit dan Bintang

BANDAR SERI BEGAWAN. — Jabatan Perkhidmatan2 Kesihatan dan Perubatan kini telah mempunyai lambang-nya yang baru bagi mengganti lambang lama yang berbentok Palang Merah, yang mana telah di-gunakan oleh jabatan tersebut sejak tahun 1961.

Lambang baru itu berbentok Bulan Sabit dan Bintang, berwarna merah dan telah di-gunakan dengan kuat kuasa-nya pada 9hb Nobember, 1980 bersamaan dengan 1hb Muharram, 1401 Hijrah (gambar kanan).

Sa-lain daripada menjadi lambang kapada kenderaan Jabatan Perkhidmatan2 Kesihatan dan Perubatan, ia-nya juga di-jangka akan di-gunakan sa-bagai lambang rasmi Jabatan tersebut.

Lambang yang baru itu ada-lah hasil rekaan Jabatan Perkhidmatan2 Kesihatan dan Perubatan dengan kerjasama Pg Mohammad bin Pg Haji Abdul Rahman, sa-orang pelukis Dewan Bahasa dan Pustaka Brunei.

Bulan Sabit ada-lah lambang Negara Islam dan membawa unsor2 Ugama Islam, sesuai dengan kehendak dan hasrat negara. Pertukaran tersebut juga mengambil sukut Awal Tahun Hijrah 1401 (Abad ke-15).





BEGINI-LAH rupa salah sa-buah kereta rumah sakit yang telah menggunakan lambang baru.

## Tiga Wadar Penjara hadhiri kursus

BANDAR SERI BEGAWAN. — Tiga orang Wadar dari Jabatan Penjara telah berlepas ka-Singapura hari Sabtu lepas, bagi menghadhiri Kursus Latehan sa-lama 12 minggu di-Republik itu.

Mereka ia-lah Awang Talip bin Jumart, Ak. Kahar bin Pg. Tengah dan Awg. Simadi bin Misir.

Semasa berada di-Republik itu, mereka akan mengikuti kursus mengenai Undang2 dan Atoran2 Penjara, Latehan2 pemeliharaan dan disiplin bagi banduan2 dan mempelajari akan tanggong-jawab dan tugas2 sa-bagai Wadar.

Di-samping itu, mereka juga akan menerima latehan dalam chara2 menggunakan senjata api, kawat dan latehan chara2 mempertahankan diri.

Lawatan2 sambil belajar ka-penjara2 dan tempat2 tahanan bagi budak2 nakal yang di-bawah jagaan Jabatan Penjara, Republik Singapura, juga akan di-adakan semasa dalam kursus.

## Membekalkan pokok2 krismas

BANDAR SERI BEGAWAN. — Pejabat Kehutanan Brunei akan membekalkan pokok2 krismas (Christmas tree) tahun ini mulai dari 22hb hingga 24hb Disember ini di-waktu pejabat di-buka.

Pokok2 tersebut boleh di-dapati dari Ibu Pejabat Kehutanan, Bandar Seri Begawan, Balai Kehutanan Sungai Liang, Pejabat Hutan Daerah Belait dan Balai Kehutanan Seria.

Sesiapa yang ingin membeli pokok2 tersebut boleh-lah membuat permohonan dengan segera kapada Ibu Pejabat Kehutanan, Bandar Seri Begawan dan Pejabat Hutan Belait supaya pokok2 itu akan dapat di-sediakan.

Bagi sesiapa yang ingin untok mendapat pokok2 tersebut sa-chara bersendirian, boleh-lah berhubong dengan pejabat yang berkenaan untok mendapatkan surat kebenaran.

Pelita Brunei di-beritahu bahawa Pejabat Kehutanan tidak akan menghantar pokok2 krismas itu ka-rumah2 atau ka-tempat-tempat lain.

Harga bagi tiap2 pokok krismas ia-lah: Tinggi 3 kaki hingga 6 kaki $6.00; Tinggi 6 kaki hingga 10 kaki $10.00 dan tinggi 10 kaki ka-atas $12.00.

## Johan Chator

KUALA BELAIT. — Kejohanan Chator perseorangan antara kakitangan2 Pejabat Perubatan dan Kesihatan, Kuala Belait, sempena sambutan Hari Keputeraan Kebawah DYMM ke-34, telah di-langsongkan di-Rumah Sakit Suri Seri Begawan di-sini, minggu lalu.

Keputusan-nya ia-lah: Awang Chan Khay Woon (Johan); Awang Sapri bin Metussin (N.Johan); Awg. Dollamit bin Samad (Ketiga); Awang Othman bin Tahir (Keempat) dan Awg Bidin bin Aji (Kelima).



AWANG Haji Mohd Salleh bin Haji Hidup.

## Memperolehi Ijazah M.Sc

BANDAR SERI BEGAWAN. — Awang Haji Mohd Salleh bin Haji Hidup telah kembali ka-tanah ayer baru2 ini sa-telah beliau mengikuti kursus latehan dalam perkhidmatan di-United Kingdom dan memperolehi ijazah M.Sc. di-dalam Pengurusan Sektor Awam, (Public Sector Management) sa-bagai Pegawai Pentadbir di-Unibersiti Aston Birmingham.

Kursus yang beliau dudoki memakan masa lebeh kurang satu tahun.

Awang Haji Mohd Salleh sa-belum ini pernah menuntut di-South Devon Technical College dan Unibersiti Cambridge hingga ka-perengkat Diploma. Beliau juga pernah menjalani latehan dalam perkhidmatan di-Singapura, Malaysia Barat, Thailand dan Bangladesh.

Awang Haji Mohd Salleh mula berkhidmat dengan Kerajaan di-dalam tahun 1961 dan sa-masa di-dalam perkhidmatan-nya itu, beliau telah pernah memegang jawatan sa-bagai Pegawai Daerah Brunei dan Muara, Tutong dan Temburong, Timbalan Pesurohjaya Tanah, Pegawai Pentadbir Kanan Pejabat Pelajaran dan sekarang beliau di-tempatkan di-Pejabat Setia Usaha Kerajaan sa-bagai Pegawai Pentadbir Kanan.

# LAWATAN AHLI2 DPMB SAMBIL BERBAKTI

TEMBURONG. — Rumah Sakit Pekan Bangar merupakan tempat terakhir lawatan ahli2 Dewan Perniagaan Melayu Brunei dalam siri lawatan mereka ka-rumah2 sakit di-empat2 daerah sempena mengalu2kan Ketibaan Awal Tahun Hijrah 1401 pada hari Rabu lalu.

Rombongan ahli2 Dewan Perniagaan Melayu yang mengandongi saramai enam orang itu telah di-ketuai oleh Yang Dipertua-nya, Awg. Hapidz bin Pehin Laksamana Hj. Abd. Razak.

Antara yang mengalu2kan ketibaan mereka termasok-lah Pegawai Daerah Temburong, Awg. Hj. Yaakub bin Hj. Ahmad, Pegawai2 Perubatan serta pegawai2 dari Jabatan Hal Ehwal Ugama Daerah Temburong.

Di-dalam rangka lawatan sengkat ahli2 perniagaan itu, mereka telah menyampaikan 27 buah bungkusan2 hadiah kapada pesakit2 termasok orang2 muallaf di-samping menyampaikan sa-buah peti talivishen berwarna bagi Rumah Sakit Daerah Temburong.

Sa-belum lawatan ka-Rumah Sakit Temburong, ahli2 Dewan Perniagaan Melayu Brunei itu telah membuat lawatan yang serupa ka-Rumah Sakit Daerah Tutong pada 24hb. Nobember lalu. Dalam lawatan tersebut, mereka telah menyumbangkan sa-buah peti talivishen, dan juga hadiah2 kapada pesakit2.

Lawatan ahli2 Dewan Perniagaan Melayu ka-Rumah2 Sakit seloroh negeri ada-lah merupakan lawatan yang julong2 kali di-lakukan oleh Dewan tersebut. Ia-nya akan di-jadikan projek tahunan bagi menyambut Kedatangan Awal Tahun Hijrah.



SALAH sa-orang wakil dari Dewan Perniagaan Melayu, Ampuan Haji Mohd Yusoff bin Ampuan Daud, sedang menyampaikan bungkusan hadiah kapada salah sa-orang muallaf di-daerah tersebut.



KELIHATAN Yang Dipertua Dewan Perniagaan Melayu, Awang Hapidz menyampaikan sa-buah peti talivishen berwarna kapada pegawai Perubatan Daerah Awang Mohd Said bin Zakaria bagi pehak Rumah Sakit Pekan Bangar.



YANG Dimuliakan Pehin Orang Kaya Pekerma Sura Awang Haji Abdul Manan menyampaikan peti talivishen untok kegunaan Rumah Sakit Daerah Tutong.

## Kempen kesihatan: HAPUSKAN NYAMOK AEDES

BANDAR SERI BEGAWAN — Kempen mingguan Kesihatan Tahunan di-seluroh negeri akan bermula pada 8hb hingga 15hb Disember ini. Tahun ini kempen tersebut berthema: 'Hapuskan Nyamok Aedes dan jadikan Negeri Brunei bebas dari penyakit Demam Denggi.'

Pelita Brunei di-fahamkan bahawa Jabatan Perubatan dan Kesihatan yang menganjorkan kempen itu menyatakan walaupun sa-bahagian besar negeri ini bebas dari serangan Nyamok Aedes, akan tetapi ada-lah mustahak bagi pendudok2 di-negeri ini memberikan perhatian berat terhadap kebersehan dan kesihatan alam sekitar terutama-nya di-Kampong Ayer kerana di-kawasan itu nyamok mudah membiak sa-chara meluas.

Kempen tersebut juga akan di-salorkan kapada murid2 sekolah dan orang ramai menerusi pelajaran dan kegiatan2 mengenai kesihatan di-seluroh negeri.

Sementara itu, pendudok2 Kampong Datu Gandi; Pelambayan, Serdang dan Sungai Belukut, Daerah Brunei/Muara, telah melancharkan satu projek kebersehan Ahad lepas, sempena sambutan Awal Tahun 1401 Hijrah; bagi membersehkan halaman bangunan Sekolah Melayu Persediaan Inggeris Datu Gandi.

Pendudok2 Kampong Batu Marang pula telah melancharkan projek memuchang2 membersehkan tanah perkuboran orang2 Islam di-kampong itu. Kerja memuchang2 itu di-ikuti dengan majlis tahlil.

## Sampul surat pertama

BANDAR SERI BEGAWAN. — Jabatan Perkhidmatan Pos mengumomkan bahawa sampul surat pertama sempena istiadat pergorniaan gelaran dan perarakan Yang Teramat Mulia Paduka Seri Duli Pengiran Digadong Sahibol Mal Pengiran Muda Jefri Bolkiah akan di-jual di-semua Pejabat Pos di-seluroh negeri.

Tarikh pengeluaran rasmi sampul surat tersebut yang berharga 35 sen tiap2 satu dan setem2 yang berharga 75 sen dan 10 sen ia-lah pada hari Sabtu 6hb Disember, 1980.

## JADUAL MENYELIDEK MALARIA BAGI BULAN DISEMBER 1980

DAERAH TEMBURONG

| | |
|---|---|
| Senukok | 8.12.80 |
| Piasau2 | 9.12.80 |
| Lepong Lama, Lepong Baru, Kenua | 10.12.80 |
| Temada dan Semabat | 11.12.80 |
| Sembatang, Bekarut dan Meniup | 13.12.80 |
| Bukok dan Rataie | 15.12.80 |
| Belais dan Buda2 | 16.12.80 |
| Batang Duri, Sibut, Amo A dan B Sumbiling Lama dan Baru | 17.12.80 |
| Batu Apoi | 18.12.80 |
| Ulu Biang dan Biang Tengah | 20.12.80 |
| Labu Estate | 22.12.80 |
| Puni dan Hujong Jalan | 23.12.80 |
| Parit Temburong | 24.12.80 |

## Memenangi hadiah Shell

PEKAN BANGAR. — Tiga orang penuntut yang memenangi hadiah Shell tahun ini telah berlepas ka-Singapura, minggu lepas, untok mengadakan lawatan.

Mereka itu ia-lah: Dayang Norlela bte Abdul Jalil, Dk. Umi Salmah bte Pgn Haji Ismail dan Dayang Jerome Lai, kesemua-nya dari Maktab Senior. Mereka menerima hadiah tersebut kerana penyertaan mereka yang terbaik dalam peraduan projek Sain.

Sementara itu satu pertandingan lalu-lintas anjoran Shell telah di-langsongkan di-sini Ahad lepas.



SALAH sa-orang pesakit menerima hadiah dari Awang Haji Idris bin Mohd Said bagi pehak Dewan Perniagaan Melayu Brunei.

## Tuaran Sabah di-jangkiti kolera

BANDAR SERI BEGAWAN. — Pengarah Perkhidmatan2 Perubatan dan Kesihatan, Pehin Dato Dr P I Franks menyatakan pehak Rumah Sakit Umom di-sini telah menerima maklumat dari Kementarian Kesihatan, Kuala Lumpur bahawa Daerah Tuaran, Sabah telah istiharkan di-jangkiti oleh wabak kolera mulai 24hb Nobember, 1980.

# GERAKAN DA'AWAH DAN TABLIGH

**SEJARAH kesultanan Brunei ada-lah menjelaskan bahawa negeri Brunei ia-lah sa-buah negeri Islam sejak lebeh empat ratus tahun. Semenjak itu sultan2 yang memerentah ia-lah sultan2 Islam, dan amalan2 rasmi bagi kerajaan serta hal ehwal negeri ia-lah berchorak Melayu/Islam. Dengan sebab itu-lah Perlembagaan tahun 1959 telah menetapkan Islam menjadi ugama rasmi ia-itu ugama negara yang ma'ana-nya ia-lah pengiktirafan sa-chara undang2 terhadap kedudokan tersebut. Di-samping itu Perlembagaan juga membolehkan ugama2 lain di-amalkan dengan sa-chara aman oleh penganut2-nya.**

**Kedudokan Islam menjadi ugama rasmi ini bukan-lah sa-kadar sebutan2. Langkah2 mengembangkan-nya telah dan terus menerus di-buat oleh kerajaan. Dan ra'ayat serta pendudok negeri ini pada umom-nya ada-lah menerima baik kedudokan itu, sama ada mereka orang2 Islam atau pun bukan Islam.**

**Hasrat pengembangan Islam di-negeri ini, saperti yang jelas di-ketahui dari langkah2 Kerajaan ia-lah pada mewujudkan suasana berugama menurut yang sa-patut-nya, yang mana dari situ di-harapkan semua pehak di-negeri ini akan hidup saling hormat menghormati dalam keadaan aman dengan semangat ta'at kapada Raja yang menjadi ketua tertinggi dalam negeri termasok menjadi ketua tertinggi bagi ugama rasmi itu. — (Haji Badaruddin bin Pengarah Haji Othman telah menyedia dan membentangkan kertas kerja mengenai Gerakan Da'awah dan Tabligh di-Seminar Penghulu2, Ketua2 Kampong dan Ketua2 Rumah Panjang, yang baru lalu, sempena menyambut tahun 1401 Hijrah).**

Berpandukan kapada hasrat dan memahami pula akan kebebasan berugama yang di-jamin oleh Perlembagaan, maka gerakan dakwah dan tabligh telah di-lakukan sa-chara undang2. Dan sejak Undang2 No. 20 Tahun 1955 di-kuatkuasakan pada bulan Januari 1956, pengembangan ajaran Islam telah di-pesatkan terutama di-bidang pelajaran ugama dan pembangunan masjid2. Perkembangan sa-lanjut-nya ia-lah melalui bidang2 yang lebeh umom sa-telah kesedaran berugama sa-makin meluas di-kalangan orang ramai.

Dalam pada itu, khusus mengenai pengembangan-nya di-kalangan orang2 yang bukan Islam, perhatian selalu di-ambil bahawa ugama ia-lah ugama Allah, kerana itu tidak ada paksaan di-dalam-nya. Maka berdasarkan hal itu, perkembangan Islam di-negeri ini antara 1957 — 1967 boleh di-katakan memuaskan di-kalangan orang2 Islam di-mana ajaran2 ugama telah mendapat sambutan dan memberi chorak baharu kapada suasana kehidupan negeri ini pada keselurohan-nya. Sementara dalam jangka masa yang sama itu, dakwah di-kalangan orang2 bukan Islam terutama dari suku2 Melayu (Murut, Dusun, Kelabit dan Bisaya) dan suku Iban serta lain2 bangsa tidak-lah begitu menggalakkan.

Begitu pun, hal itu memang wajar, sebab dalam tempoh 1957 — 1967 itu boleh di-katakan gerakan dakwah dan tabligh di-kalangan orang2 yang bukan Islam itu baharu dalam perengkat awal ia-itu 'memberitahu' atau 'memperkenalkan' Islam kapada mereka. Maka dalam perengkat itu orang2 bukan Islam, khusus-nya yang tinggal di-pendalaman2 telah berpeluang mengenali Islam melalui mubaligh yang bergerak sa-chara berjadual di-bawah kelolaan Kerajaan.

### SA-LEPAS 1967

Gerakan dakwah dan tabligh yang di-kelolakan oleh Kerajaan sa-chara berjadual itu di-teruskan sa-hingga hari ini. Jikalau hendak di-sebutkan hasil-nya dalam ertikata orang2 yang di-dakwah itu menerima dakwah maka antara 1968 — 1978 chuma ada sa-ramai 1,445 orang sahaja yang memelok Islam seluroh negeri. Jumlah tersebut termasok-lah pendudok2 sementara yang datang ka-negeri ini. Angka tersebut bertambah sa-banyak 298 orang Islam dalam tahun 1979.

Jumlah tersebut tidak-lah besar jika di-bandingkan dengan jumlah seluroh orang2 yang bukan Islam di-negeri ini. Dan jauh lebeh dari memuaskan kalau di-sukat dengan banyak-nya usaha serta tenaga dan belanja bagi gerakan dakwah dan tabligh itu pada keselurohan-nya. Tetapi di-situ-lah terbokti benar-nya firman Allah (tujuan-nya) "Engkau, ya Nabi Muhammad! sama sekali tidak akan dapat memberi hidayat (petunjok) siapa yang engkau kasehi, tetapi Allah sahaja-lah yang berkuasa memberi hidayat siapa yang di-kehendaki-Nya." Lalu apa pun hasil-nya dari segi jumlah bilangan yang masok Islam maka kita tetap bershukor, sebab yang penting dari gerakan dakwah/tabligh kapada kalangan2 yang bukan Islam itu ia juga mereka telah serba-sedikit mengenali Islam dan mengetahui kedudokan-nya sa-bagai ugama Allah yang menjadi ugama rasmi negeri ini.

### MASA'ALAH2

Pada umom-nya masaalah2 yang di-hadapi dalam gerakan dakwah/tabligh kapada kalangan yang bukan Islam ia-lah sa-waktu sa-belum dan sa-lepas mereka masok Islam.

Sa-waktu di-dakwah, mereka kelihatan-nya memberi sambutan baik, tidak pernah ada tanda2 menentang dan dalam banyak hal saperti memberi harapan dengan jawapan2 yang menarek. Kemudian ada yang bertanya atau chuba merisek2 kalau ada sa-barang faedah yang boleh di-dapat-nya kalau memelok Islam.

Mana2 yang memelok Islam, masaalah mereka dan masaalah Kerajaan ia-lah mengenai pemeliharaan mereka dalam makna memberikan mereka ajaran Islam sa-lanjut-nya dan menchorakkan suasana kehidupan mereka dengan suasana baharu sa-bagai orang Islam.

Dalam hal masaalah merisek2 kalau ada sa-barang faedah sa-telah memelok Islam itu, selalu-nya jelas di-terangkan kapada mereka bahawa tidak ada sa-barang faedah yang dapat di-janjikan ia-itu dari segi kebendaan. Sa-betul-nya itu-lah dasar Kerajaan. Bantuan2 berupa kebendaan yang di-ketahui ada di-berikan kapada muallaf atau saudara baharu ada-lah sa-kadar bantuan yang lazim di-mana di-fikirkan mustahak dan munasabah. Yang penting-nya, mereka itu mesti-lah mengikhtiarkan sama usaha-usaha memperbaiki kehidupan masing2 dengan tidak sa-penoh-nya berharap dan bergantong kapada bantuan2 Kerajaan. Dan hal ini sama-lah saja kedudokan-nya dengan orang2 lain.

Begitu pun, memang-lah di-fahami jika mereka menjangkakan sa-barang faedah kebendaan sa-telah memelok Islam itu, dan Kerajaan memang juga memberi perhatian kapada kebajikan mereka sa-chara umom. Sebab itu-lah umpama-nya saperti di-Temburong pernatian istimewa telah di-berikan bagi memelihara dalam makna menjaga hal ehwal kebajikan saudara2 baharu itu. Tetapi hal ini mesti-lah di-fahamkan sa-bagai bukan bertujuan perkara 'bujokan', sebab mereka yang sudah terbuka hati mahu memelok Islam patut memahamkan bahawa faedah masok Islam itu yang terpenting ia-lah mereka mendapat bimbingan ka-jalan Allah untok masa depan mereka dan masa depan keluarga mereka di-negeri yang menjadikan Islam ugama negara itu kalau mereka pendudok tetap dan raayat negeri ini.

Maka masaalah utama ia-lah masaalah sa-telah mereka memelok Islam, ia-itu soal2 kebajikan mereka terutama memberikan pelajaran ugama sa-lanjut-nya. Masaalah ini berbedza menurut satu2 keadaan. Dalam keadaan sa-orang yang masok Islam itu orang pendatang yang chuma tinggal sementara dan tidak pula tetap kediaman-nya saperti pekerja2 kontrek benaan maka masaalah memusatkan-nya untok mengikuti kelas bimbingan muallaf hampir tidak mungkin; dan ini-lah kedudokan yang rumit bagi memajukan kelas2 sa-umpama itu bagi saudara2 baharu yang sedemikian.

Dalam keadaan di-mana mereka masok Islam sa-chara beramai2 dan dari satu2 perkampongan tetap saperti di-kebanyakan tempat di-Temburong dan di-Sungai Liang di-daerah Belait maka pemeliharaan tidak-lah menjadi masaalah besar. Begitu pun perlu di-perhatikan, tempat2 mereka itu tidak-lah tempat yang terlalu terpenchil saperti di-Supon Kechil dan Kampong Bukit di-Tutong, di-mana ada keluarga2 saudara baharu yang chuma dapat di-datangi sa-kali sa-kala di-sebabkan kesulitan menempatkan guru khas bagi membimbing mereka.

### MASA'ALAH PENGEMBANG UGAMA LAIN

Patut juga di-sebutkan di-sini masaalah pengembang2 ugama lain. Peratoran yang berkuat kuasa pada masa ini sudah pun jelas menghendaki mana2 pengembang ugama lain mesti-lah terlebeh dahulu mendapatkan kebenaran Kerajaan, sa-lain kebenaran masok ka-negeri ini. Nampak-nya, ada sa-tengah2 kejadian menunjokkan peratoran ini tidak di-patohi terutama di-kawasan2 terpenchil yang berdekatan dengan sempadan2 negeri lain.

Peratoran tersebut sa-benar-nya tidak-lah berchanggah dengan semangat Perlembagaan negeri yang membolehkan ugama2 lain di-amalkan sa-chara aman. Tetapi yang jelas, pendatang2 yang di-maksudkan itu sama ada di-datangkan atau pun datang sendiri ada-lah bertujuan mengembangkan, bukan sa-mata2 mengamalkan. Maka kawalan ka-atas pengembang2 ugama lain itu patut-lah di-fahami lebeh jauh sa-bagai bertujuan mengawal anasir2 yang datang ka-negeri ini dengan menggunakan alasan2 ugama yang di-khuatiri pula boleh menjejaskan sa-barang usaha pengembang Islam ka-atas pendudok2 dan raayat yang belum berugama, bahkan juga di-khuatiri menjejaskan usaha keselamatan negeri serta merosakkan suasana persefahaman di-kalangan pendudok dan raayat pada keselurohan-nya.

### TUJUAN GERAKAN PENGISLAMAN

Jika gerakan dakwah/tabligh kapada kalangan yang bukan Islam terutama-nya kalangan yang belum berugama Islam ini di-katakan juga sa-bagai usaha mengIslamkan mereka maka pendudok2 atau raayat yang berkenaan itu patut-lah memahami dua perkara:

(a) Ugama Islam menjadi ugama rasmi negeri itu ia-lah ugama Allah yang menyeru dan memerentahkan orang2 lain menganut-nya bagi mereka sama2 mendapat keampunan dan berkat serta keredhaan Allah di-dunia dan di-akhirat.

(b) Ada-lah bagi kepentingan negeri ini dalam jangka panjang-nya menghendaki raayat dan pendudok-nya memperchayai kebenaran ugama Islam yang menjadi ugama rasmi itu supaya mereka lebeh mudah bersatu-padu dan lebeh mudah untok di-gerakkan supaya taatkan Raja yang memerentah menurut alasan2 keugamaan.

Kedua2 perkara ini penting di-fahamkan dengan sa-baik2-nya sebagai menjadi tujuan dalam gerakan dakwah/tabligh kapada kalangan2 yang bukan Islam di-negeri ini. Memahami tujuan tersebut maka boleh-lah di-fikirkan sa-jauh mana masing-masing kita, sama ada yang Islam mahu pun yang bukan Islam, dapat menyumbangkan tenaga dan bakti kapada kepentingan jangka panjang negeri ini.



KELIHATAN Ketua Pegawai Penerangan, Awang Haji Badaruddin bin Pengarah Haji Othman (di-tengah2) ketika membentangkan kertas kerja-nya yang bertajok "Gerakan Da'awah dan Tabligh".

KERAMAIAN MASOK ISLAM MENGIKUT DAERAH
TAHUN 1971 - 1977

| TAHUN | BRUNEI/MUARA | BELAIT | TUTONG | TEMBURONG | JUMLAH |
|---|---|---|---|---|---|
| 1971 | 22 | 27 | 8 | 4 | 61 |
| 1972 | 46 | 48 | 15 | 4 | 113 |
| 1973 | 69 | 35 | 21 | - | 125 |
| 1974 | 86 | 66 | 11 | 32 | 195 |
| 1975 | 127 | 56 | 32 | 33 | 248 |
| 1976 | 123 | 62 | 15 | 17 | 217 |
| 1977 | 93 | 42 | 52 | 40 | 227 |
| JUMLAH | 566 | 336 | 154 | 130 | 1186 |
| % | 47.6% | 28.4% | 13% | 11% | 100% |

KERAMAIAN SUKU2 YANG MASOK ISLAM
TAHUN 1972 - 1977

| | IBAN | DUSUN | CHINA | LAIN2 PUAK ASLI | [illegible] | LAIN2 BANGSA | JUMLAH |
|---|---|---|---|---|---|---|---|
| 1972 | 40 | 31 | 21 | 14 | 3 | 4 | 113 |
| 1973 | 24 | 35 | 53 | 12 | 1 | 2 | 127 |
| 1974 | 89 | 49 | 36 | 13 | 7 | 1 | 195 |
| 1975 | 116 | 59 | 31 | 21 | 5 | 17 | 246 |
| 1976 | 79 | 52 | 38 | 18 | 4 | 26 | 217 |
| 1977 | 105 | 58 | 23 | 24 | 8 | 10 | 228 |
| JUMLAH | [illegible] | 284 | 202 | 102 | 28 | 60 | 1129 |
| % | 40.2% | 25.2% | 17.9% | 9% | 2.4% | 5.3% | 100% |

JUMLAH ORANG MASOK ISLAM 1968 - 1977



# RANCHANGAN TV MINGGU INI

Pehak Radio Talivishen Brunei berhak untok menukar mana2 jua ranchangan yang di-fikirkan perlu tanpa memberi tahu terlebeh dahulu.

## RABU — 3HB DIS.

PETANG

4.15 PEMBUKAAN
4.16 KORAN DAN KESIMPULAN MAANA-NYA
4.28 SUSUNAN RANCHANGAN
4.30 KAP KAP UDANG
5.00 ANIMAL WORLD
5.30 THE NEW SCHMOO
6.00 RENGKASAN BERITA
6.05 THE FRIENDS OF MY FRIENDS —Siri baru menggantikan siri Butterflies
6.12 AZAN MAGHRIB
6.16 THE FRIENDS OF MY FRIENDS — sambongan
6.30 DR. WHO — "Underworld" Ep. 4

MALAM

7.00 BERITA DALAM BAHASA INGGERIS
7.15 THE MISADVENTURES OF SHERIFF LOBO — "The Haunting of Orly Manor"
Lobo memperolehi pembeli misteri yang bernama Avery untok membeli 'rumah berhantu'. Ia meranchang jualan lelong rumah itu dengan chara rahsia tetapi rumah tersebut terdapat pakar2 jiwa termasok chicbit kapada hantu yang menghuni rumah gedong itu. Deputy Hawkins memutuskan untok menyelesaikan hantu yang mistri, rumah gedong dan Mr Avery yang menimbulkan shak itu.
7.26 AZAN ISHA
7.30 THE MISADVENTURES OF SHERIFF LOBO — sambongan
8.15 WARTA BERITA
8.30 CHERAMAH KHAS 1401
8.40 MAJALLAH BRUNEI
9.00 THE WAR YEARS — "The Battle of the Pacific: The Onslaught"
Orang2 Jepun dan Amerika berperang untok menawan negeri2 di-Asia.
9.50 TAYANGAN GAMBAR TV — "20 Guns to Apache Pass"
11.50 SIARAN TAMAT.

## KHAMIS — 4HB DIS.

PETANG

4.15 PEMBUKAAN
4.16 KORAN DAN KESIMPULAN MAANA-NYA
4.28 SUSUNAN RANCHANGAN
4.30 KAP KAP UDANG
4.55 SESAME STREET
6.00 RENGKASAN BERITA
6.05 SPIDERMAN — "Sky Harbour"
6.12 AZAN MAGHRIB
6.16 SPIDERMAN — sambongan
6.35 THE TOMORROW'S PEOPLE — "Slaves of Jedikiah" Ep. 7228

MALAM

7.00 BERITA DALAM BAHASA INGGERIS
7.15 GREAT WESTERN THEATRE
7.26 AZAN ISHA
7.30 GREAT WESTERN THEATRE — sambongan
8.15 WARTA BERITA
8.30 CHERAMAH KHAS 1401
8.40 HIDAYAT
9.10 DUNIA MINGGU INI
9.40 WKRP IN CINCINNATI — Ep. 31 "Baby Have You Ever Wondered"
10.10 TELFORD'S CHANGE Ep. 8
11.00 THE BIG VALLEY — "Miranda"
11.40 SIARAN TAMAT.

## JUMAAT — 5HB DIS.

PETANG

4.15 PEMBUKAAN
4.16 KORAN DAN KESIMPULAN MAANA-NYA
4.28 SUSUNAN RANCHANGAN
4.30 KAP KAP UDANG
5.00 SONG BOOK
5.15 CHILDREN'S SERIAL PACKAGE
5.30 MAGIC PALACE
6.00 RENGKASAN BERITA
6.05 KID POWER
6.12 AZAN MAGHRIB
6.16 KID POWER — sambongan
6.30 THE MUPPET SHOW

MALAM

7.00 BERITA DALAM BAHASA INGGERIS
7.15 STONE — "What Do You People Want From Me?"
Chief Paulton menyuroh Stone mengelolakan majlis keramaian tahunan, sa-orang wanita yang tidak di-kenali membuat satu dakwaan 'paternity' terhadap-nya dan Stone mendapat tahu sa-orang bekas penjenayah chuba membalas dendam. Tetapi dengan bantuan teman-nya Buck, Stone dapat menghadapi tentangan2 kechil ini sabagai satu pengajaran, dan dapat memahami tekanan2 dan ketidakadilan dalam sistem tahanan.
7.26 AZAN ISHA
7.30 STONE — sambongan
8.15 WARTA BERITA
8.30 CHERAMAH KHAS 1401
8.40 PANORAMA Ep. 4
Panorama keluaran siri ke-4 akan membentangkan liputan yang pada keselurohan-nya di-hubongkan dengan beberapa kegiatan Jabatan Talikom, pusat yang mengendalikan tali perhubongan saperti telex dan talipon yang semakin berkembang hari ini sa-bagai alat perhubongan yang penting dalam kehidupan kita sa-hari2. Dalam keluaran ini kita akan dapat mengikuti beberapa temuramah yang kandongan-nya berhubong dengan perkara yang di-kaitkan dengan kemajuan dan masaalah yang di-hadapi oleh jabatan itu, dan yang agak menarek ia-lah penerangan yang banyak hubongan-nya dengan permohonan mendapatkan talipon.
9.10 BENSON Ep. 22 "Taking It To The Street"
9.40 BIG LEAGUE SOCCER
10.30 HAWAI FIVE-O — "Yes, My Deadly Daughter"
Kedua-dua McGarret dan Chang sama sekali tidak menyangka anak gadis Chang yang chantek tetapi suka melawan, Lee Mei, anak kesayangan Chang sendiri yang meranchang plot itu. Tetapi pembantu Chang, Varna, mendapat tahu hal yang sebenar-nya, dan memaksa Lee Mei supaya bersetuju memberi separoh dari jumlah wang dengan mengacham untok mendedahkan pembelotan yang dilakukan-nya terhadap bapa-nya.
11.20 SIARAN TAMAT.

## SABTU — 6HB DIS.

PETANG

4.15 PEMBUKAAN
4.16 KORAN DAN KESIMPULAN MAANA-NYA
4.28 SUSUNAN RANCHANGAN
4.30 KAP KAP UDANG
4.55 SESAME STREET
6.00 RENGKASAN BERITA
6.05 THE THING
6.13 AZAN MAGHRIB
6.17 THE THING — sambongan
6.30 BEWITCHED

MALAM

7.00 BERITA DALAM BAHASA INGGERIS
7.15 FOUNDATION Ep. 15
7.28 AZAN ISHA
8.15 WARTA BERITA
8.30 CHERAMAH KHAS 1401
8.40 MAJALLAH BRUNEI
9.00 MARI MEMASAK
9.30 TAYANGAN GAMBAR MELAYU
11.20 DOCUMENTARY: Cities
12.10 SIARAN TAMAT.

## AHAD — 7HB DIS.

PETANG

4.15 PEMBUKAAN
4.16 KORAN DAN KESIMPULAN MAANA-NYA
4.28 SUSUNAN RANCHANGAN
4.30 KAP KAP UDANG
5.00 DON'T JUST SIT THERE Ep. 145
5.30 CAPTAIN CAVEMAN
6.00 RENGKASAN BERITA
6.05 CHILDREN'S FUTURE
6.13 AZAN MAGHRIB
6.17 CHILDREN'S FEATURE — sambongan

MALAM

7.00 BERITA DALAM BAHASA INGGERIS
7.15 TENSPEED AND BROWN SHOE
7.28 AZAN ISHA
7.32 TENSPEED AND BROWN SHOE — sambongan
8.15 WARTA BERITA
8.30 CHERAMAH KHAS 1401
8.40 POT BLACK
9.15 ANEKARIA No. 3
10.00 FOX Ep 12
11.00 ARMCHAIR THRILLER — "Rachel in Danger" Ep. 4
Rachel terperangkap dengan sa-kumpolan pengganas2 yang meranchang satu pembunohan di-Royal Garden Party. Mereka telah membunoh bapa-nya dan mungkin akan membunoh Rachel. Sementara itu Rachel telah menchuba untok menyampaikan pesanan kapada sa-orang pulis wanita yang menegor-nya di-Euston Station.
11.25 SIARAN TAMAT.

## ISNIN — 8HB DIS.

PETANG

4.15 PEMBUKAAN
4.16 KORAN DAN KESIMPULAN MAANA-NYA
4.28 SUSUNAN RANCHANGAN
4.30 KAP KAP UDANG
5.00 CHILDREN OF FIRE MOUNTAIN
5.30 YOUNG PEOPLE'S SPECIALS
6.00 RENGKASAN BERITA
6.05 FREEWHEELERS Ep. 11
6.13 AZAN MAGHRIB
6.17 FREEWHEELERS — sambongan
6.30 JASON OF STAR COMMAND

MALAM

7.00 BERITA DALAM BAHASA INGGERIS
7.15 VEGAS
7.28 AZAN ISHA
7.32 VEGAS — sambongan
8.15 WARTA BERITA
8.30 CHERAMAH KHAS 1401
8.40 MAJALLAH BRUNEI
9.00 MINDER — "Don't Tell Them Willie Boy Was Here"
9.50 HOLLYWOOD — "Trick of the Light"
10.40 WARSHIP Ep. 9 "Fall From Grace"
11.20 SIARAN TAMAT.

## SELASA — 9HB DIS.

PETANG

4.15 PEMBUKAAN
4.16 KORAN DAN KESIMPULAN MAANA-NYA
4.28 SUSUNAN RANCHANGAN
4.30 KAP KAP UDANG
5.00 THE NEW ADVENTURES OF BATMAN —
Siri baru menemui awda terutama-nya kaapda kanak2 yang menggemari cherita2 berupa kartoon.
5.30 THE SHARI LEWIS SHOW —
The Shari Show juga siri baru yang di-bintangi oleh 30 puppet dan Shari Lewis selaku orang yang berbakat menjayakan siri ini dengan penoh minat dan menggembirakan.
6.00 RENGKASAN BERITA
6.05 GRANGE HILL — siri baru
6.13 AZAN MAGHRIB
6.17 GRANGE HILL — sambongan
6.30 THE JACKSON — siri baru

MALAM

7.00 BERITA DALAM BAHASA INGGERIS
7.15 LOVE BOAT
7.28 AZAN ISHA
7.32 LOVE BOAT — sambongan
8.15 WARTA BERITA
8.30 CHERAMAH KHAS 1401
8.04 ARENA SOKAN
9.25 TAYANGAN GAMBAR — "Play Mist For Me"
10.55 BILLY LIAR Ep. 10
11.30 SIARAN TAMAT.



**TRICK of The Light begitu-lah tajok cherita siri Hollywood kita minggu ini dan tayangan-nya akan sama2 kita saksikan pada hari Isnin jam 10.40 malam.**

# intisari RTB minggu ini

## SANDIWARA RADIO



PARA pelakon Drama Radio sedang menjayakan rakaman sa-buah drama Hijrah berjodol "HARAPAN DAN CHITA-CHITA". Skerip drama ini memenangi hadiah ketiga dalam peraduan menulis skerip drama radio baru2 ini. Turut menjayakan drama ini kelihatan Ak Sulaiman Pg Metali, Zaini Md Yussof, Hajjah Naemah, Mohammad Noor Muhammad, Dk Masqueen dan Ak Sulaiman Pg Haji Tuah (juga sa-bagai Penerbit).



## Penerbit Dunia Wanita

PENERBIT2 ranchangan radio, tidak kira wanita atau pun lelaki, apabila saja di-tugaskan keluar membuat rakaman kesemua-nya beres tidak ada bantahan. Saperti kelihatan dalam gambar, Dayang Salmah Abdul Rahman, gambar kiri (Penerbit Dunia Wanita) di-bantu oleh dua orang pegawai ranchangan radio, Zainab Haji Md Taha dan Md Daud Metershad, sedang bertemu ramah dengan salah sa-orang pelawat peladang wanita dari Kampong Ukong Bang Nukat, melawat ka-persatuan peladang wanita Gadong baru2 ini. Ranchangan tersebut telah di-siarkan pada hari Ahad lepas, 30hb Nobember, 1980 jam 8.00 pagi. Ulangan-nya hari Selasa jam 9.00 malam.

## Resepi minggu ini

PASTERI ia-lah adonan tepong, lemak dan chechair di-jadikan satu, untok membuat kulit makanan yang puan2 kehendaki dan bagaimana chara membuat pesteri yang rapoh. Untok mengetahui lebeh lanjut lagi kita bersama Dayang Aisah dalam ranchangan Mari Memasak minggu ini.

## Kemajuan wanita2 kita Brunei



KEMAJUAN wanita2 kita Brunei, sudah jauh melangkah ka-hadapan kalau di-bandingkan dua tiga tahun yang lalu. Kalau dulu-nya, orang2 lelaki saja yang kelihatan mengajar memandu kereta, tetapi pada masa ini, sudah kelihatan wanita2 pula yang berani tampil berbuat demikian. Kita mithalkan Ustazah Dayang Hamidah (kelihatan dalam gambar ini) di-temuramah oleh Dayang Salmah Abdul Rahman (penerbit Dunia Wanita) mengenai dengan bagaimana Ustazah membahagikan masa untok mengajar memandu kereta kapada pelangan2-nya, di-samping sa-bagai guru ugama. Temuramah tersebut telah di-siarkan dalam ranchangan Dunia Wanita pada minggu yang lalu, ulangan-nya hari Selasa 9.00 malam.

# RANCHANGAN TVP DARI 8HB HINGGA 14HB DIS.

### ISNIN — 8HB DIS

**PAGI**

10.30 KAP KAP UDANG 231
Di-dalam ranchangan kali ini Chegu Sa'diah dan kanak2 akan membuat aktiviti2 saperti ruangan MARI BERLAKON, KERJA TANGAN, SI-MANIS, BOLA TUMBOK, HALAMAN BERCHERITA DAN CHERMIN SAKTI.
Di-ruangan MARI BERLAKON Chegu Sa'diah dan kanak2 akan berlakon menjadi kapal terbang dan helikopter.
Minggu ini SI-MANIS berpesan pada kanak2 supaya jangan mungkir janji. Kalau berjanji mesti-lah di-tepati.
Di-HALAMAN BERCHERITA Chegu Sa'diah akan bercherita berkenaan dengan kereta Merah Si-Ali.

**PETANG**

4.30 SIARAN ULANGAN KAP KAP UDANG 231.

### SELASA — 9HB DIS

**PAGI**

10.30 KAP KAP UDANG 232.
Ranchangan kali ini di-muati dengan aktiviti2 saperti NAIK KUDA, LIHAT DAN PERHATI, PAK LONG, AMINAH, SIRI PERMULAAN DAN CHERMIN SAKTI.
Kanak2 dan Chegu Sa'daih akan NAIK KUDA pergi ka-Lapangan Terbang.
Di-sudut LIHAT DAN PERHATI Chegu Sa'diah akan mengajar kanak2 berkenaan apa yang kanak2 boleh nampak di-Lapangan Terbang saperti tangga, pegawai kastam dan lain2.
Di-SIRI PERMULAAN pula Chegu Sa'diah akan membacha buku bertajok "Kapal Terbang".

**PETANG**

4.30 SIARAN ULANGAN KAP KAP UDANG 232.

### RABU — 10HB DIS

**PAGI**

10.30 KAP KAP UDANG 233
Ranchangan kali ini di-muati dengan aktiviti2 saperti BERSENAM, TUNJOK BENDA, KATA SI-MANIS, AMIN, HALAMAN BERCHERITA dan CHERMIN SAKTI.
Di-HALAMAN BERCHERITA Chegu Sa'diah akan bercherita bertajok "Hutang Mesti Di-Bayar".

**PETANG**

4.30 SIARAN ULANGAN KAP KAP UDANG 232.

### KHAMIS — 11HB DIS

**PAGI**

10.30 KAP KAP UDANG 234.
Di-dalam ranchangan kali ini, Chegu Sa'diah dan kanak2 akan membuat aktiviti2 saperti BERMAIN MUSIK, KAJIAN SEMULA JADI, BERMAIN BAKUL, BERMAIN BELON, LUKISAN DARI RUMAH dan CHERMIN SAKTI.
Di-sudut KAJIAN SEMULA JADI Chegu Sa'diah akan mengajar berkenaan dengan Siput Babi.

**PETANG**

4.30 SIARAN ULANGAN KAP KAP UDANG 234.

### JUMAAT — 12HB DIS

**PETANG**

4.30 KAP KAP UDANG
Di-dalam ranchangan kali ini kanak2 akan dapat menyaksikan aktiviti2 saperti MARI BERLAKON, KERJA TANGAN, SI-MANIS, BOLA TUMBOK, HALAMAN BERCHERITA dan CHERMIN SAKTI.
Di-sudut MARI BERLAKON, Chegu Sa'diah dan kanak2 akan berlakon membuat kerja2 di-tempat membeli minyak.
Di-sudut KERJA TANGAN, Chegu Sa'diah akan menunjokkan satu kerja tangan daripada sampul surat.
Pesanan SI-MANIS kali ini ia-lah menasehatkan kanak2 supaya dudok dengan tertib sa-masa kereta sedang berjalan. Jangan sekali-kali berdiri waktu kereta bergerak.
Di-HALAMAN BERCHERITA, Chegu Sa'diah akan membachakan buku bertajok 'Almari Permainan Si-Henry'.
Pada akhir ranchangan Chegu Sa'diah akan menyebut nama kanak2 di-dalam CHERMIN SAKTI-nya.

### SABTU — 13HB DIS

**PAGI**

10.30 KAP KAP UDANG 235.
Ranchangan kali ini di-muati dengan aktiviti2 saperti IKUT KETUA, YANG MANA GANJIL, AMINAH BERMAIN KERUSI, HALAMAN BERCHERITA dan CHERMIN SAKTI.
Di-HALAMAN BERCHERITA, Chegu Sa'diah akan bercherita berkenaan dengan Siput Hilang.

**PETANG**

4.30 SIARAN ULANGAN KAP KAP UDANG 235.

### AHAD — 14HB DIS

**PETANG**

4.30 KAP KAP UDANG
Dalam ranchangan kali ini Chegu Sa'diah dan kanak2 akan membuat aktiviti2 saperti NAIK KUDA, LIHAT DAN PERHATI, PAK LONG, AMIN, KETUA KESELAMATAN, PETI SURAT dan CHERMIN SAKTI.
Di-halaman NAIK KUDA, Chegu Sa'diah dan kanak2 akan menunggang kuda pergi ka-tempat menjual minyak.
Di-sudut LIHAT DAN PERHATI pula menunjokkan pada kanak2 benda2 yang mereka nampak di-tempat menjual minyak.
KETUA KESELAMATAN mengajar kanak2 supaya berhati-hati bila menyeberang dan tempat2 khas untok menyeberang.
Pada akhir ranchangan Chegu Sa'diah akan menyebut nama kanak2 di-dalam CHERMIN SAKTI.



YTB Pehin Orang Kaya Laila Setia Bakti Diraja Dato Laila Utama Awang Haji Isa bersama isteri (kanan) ketika menyaksikan pertunjokan slide. Di-kiri sekali, Pegawai Daerah Brunei-Muara, Dato Paduka Awang Haji Abdullah bin Haji Md Jaafar.

# BRUNEI DA






AWANG Haji Kamaluddin (kanan) kelihatan menerima sijil beliau yang di-serahkan

BILA kita menyebut fotografi, tidak ramai orang yang tidak mengetahui-nya. Kerana sifat-nya yang sedia menerima pembaharuan yang di-selarikan dengan masa, fotografi kian menjadi popular di-mana sahaja tidak terkechuali di-Brunei.

Sunggoh pun pertumbohan badan2 fotografi sa-akan belum begitu memberi kelengkapan yang chukop bagi membantu kepesatan perkembangan yang sa-harus-nya di-chapai sa-laras dengan waktu namun atas daya inisiatif pehak2 yang tertentu untok menelampongi perkembangan-nya, ia-nya telah mendapat penghargaan bukan sahaja pada peminat tempatan malah juga mereka2 yang mahir di-luar negeri.

Mithal-nya sahaja baru2 ini apabila Persatuan Fotografi Brunei menganjorkan satu pertandingan slide berwarna sa-bagai salah satu achara sambutan hari Keputeraan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Dipertuan yang ke-34 tahun, sa-orang yang terkenal dalam bidang fotografi, Awang Norman Lau yang juga merupakan Pengarah Seni Foto bagi ADINCOM Berhad telah datang ka-negeri ini untok mempamerkan lebeh dari 100 keping gambar untok di-jadikan bahan pameran di-samping pertunjokan slide yang telah terpileh memenangi pertandingan yang di-anjorkan.

Pra-tunton bagi pertun
pertandingan dan gambar
telah di-lakukan oleh Pena
Yang Maha Mulia Paduk
Yang Dipertuan, Yang
Orang Kaya Laila Setia Bak
Awang Haji Isa bin Pehin
Laila Utama Haji Ibrahi

## ANGGOTA K

Kedatangan Awang N
nah membuat kunjongan
ada-lah juga membawa sa
Kehormat dari Persatuan
sa-orang yang telah lama b
penggambaran ia-itu Awan
Penglima Haji Abu Bakar.

Sijil pengakuan yang
Norman itu ada-lah mer
yang tertinggi yang julong2
tempatan dan ia-nya ada-l
yang pernah di-berikan di

Memandang daripada
leh kita nilai sa-takat ini,
yang sekarang bertugas sel



PEMENANG pertama peraduan gambar slide, Awang Arphan Mohammad sedang menerima hadiah beliau dari YTB. Sementara menerima hadiah dari YTB (bawah) ia-lah Awang Sarkawi bin Md Yussof pemenang ketiga dalam peraduan tersebut. Pemenang kedua dalam peraduan ini ia-lah Tan Tung Ngo dan dua lagi pemenang ketiga ia-lah Awang Sukri Abdullah dan Awang Amat Moksin (ketiga2 tidak dalam gambar).





BEGINI-LAH rupa slide yang memenangi tempat pertama bertajok "Birthday" oleh

# WASPADA MENJAGA DIRI DARI MELAKUKAN TEGAHAN ALLAH

MARI-LAH kita sa-ma-sama menyuborkan rasa takwa yang sa-benar-nya kapada Allah kerana takwa yang sa-benar2-nya itu pasti me-numbohkan berbagai-ba-gai macham amalan yang saleh, sedangkan tiada bertakwa itu juga me-numbohkan berbagai-bagai macham maksiat. Ingat-lah bahawa segala ma-cham perbuatan dan amalan manusia, yang baik atau pun yang burok semua-nya itu pasti di-chatet dan di-tulis oleh Malaikat yang telah di-tugaskan bagi sa-tiap orang menjaga dan men-dampingi kita. Allah Ta'ala telah berfirman di-dalam Al-Kor'an surah Kaf ayat 18 yang bermak-sud: *"Tiada-lah sa-seorang itu menguchapkan sa-suatu perkataan me-lainkan di-samping-nya itu ada Malaikat Raqib dan Atid"*.

Jadi jangankan yang merupakan perbuatan dari sa-suatu anggota tuboh, sedangkan uchapan dan lintasan dalam hati pun di-chatet seluroh-nya Cha-tetan lengkap itu akan di-timbang di-mezan dan kita dapat mengetahui sen-diri isi yang di-tuliskan di-dalam-nya itu. Sa-telah itu baru-lah ada ketentuan shorga atau neraka.

Sa-belum semua cha-tetan amal itu di-timbang, lebeh dahulu sekalian ma-nusia itu di-kumpolkan di-padang Mahsar, ia-itu se-sudah mereka di-bangkit-kan dari kubor masing2. Di-saat itu panas-nya luar biasa sebab letak mata-hari benar2 di-dekatkan dengan bumi sa-bagai-mana yang di-sebutkan di-dalam hadith yang ber-maksud: *"Sa-sunggoh-nya matahari itu dekat pada hari kiamat (dengan letak bumi), sa-hingga peloh manusia itu ada yang men-chapai sa-tengah telinga"*.

Di-samping itu perkira-an amal atau hisab sudah tentu akan di-saksikan oleh Malaikat, tetapi yang melaksanakan-nya ada-lah sa-mata2 Allah s.w.t. sen-diri tanpa perantaraan sa-siapa pun sa-bagai peranta-raan dalam bersoal-jawab atau sa-bagai juru bahasa. Ini jelas di-sebutkan da-lam sa-buah hadith yang bermaksud: *"Tiada sa-orang pun di-antara kamu sekalian melainkan pasti Allah akan berchakap de-ngan-nya pada hari kia-mat, antara Tuhan, orang itu tiada menjadi juru-ba-hasa-nya dan tiada di-lindongi oleh sa-barang hijab atau dinding, orang atau malaikat di-sebelah kanan-nya, tiada yang di-lihat-nya melainkan ama-lan yang sudah di-laku-kan-nya. Ia melihat pula ka-sa-belah kiri-nya dan tiada pula yang di-lihat-nya melainkan neraka. Maka dari itu takut-lah kamu akan azab api nera-ka sekali pun dengan ber-sedekah belahan buah kur-ma"*.

Menurut riwayat baha-wa lama-nya hisab itu sa-benar2-nya hanya-lah sa-tengah hari, tetapi ada yang merasakan sa-tahun dan ada merasakan lebeh lama dari itu, semua-nya itu bergantong kapada amalan-nya sendiri ketika berada di-dunia. Bagi orang mukmin hisab itu tidak-lah sa-bagaimana orang kafir dalam hal ke-sengsaraan dan kesukaran-nya, kerana orang muk-min, insha Allah akan memperoleh kehormatan, belas-kasehan dan peng-ampunan dari Allah Taala. Malahan ada orang mukmin yang dapat ma-sok shorga dengan tidak di-hisab sama sa-kali.

Rasa-nya perlu di-ingat bahawa sa-waktu di-hisab itu yang berkata bukan-lah mulut, tetapi anggota2 tuboh yang melakukan-nya itu sendiri samada yang berupa kebaikan ma-hu pun yang berupa ke-jahatan. Ini di-jelaskan oleh Allah dalam Kor'an surah Yasin ayat 65 yang bermaksud: *"Pada hari hisab di-hari kiamat itu Kami (Allah) menguji mu-lut-mulut mereka dan ta-ngan mereka semua ber-kata2 kapada Kami, se-dang kaki2 mereka men-jadi saksi2-nya dari apa yang mereka lakukan (di-dunia)"*.

Oleh kerana segala per-buatan, perkataan dan gerak-geri hati kita tetap di-chatet oleh Raqid dan Atid dan segala2-nya tetap di-ketahui oleh Allah Taala baik yang jahat ma-hu pun yang baik, maka wajib-lah kita sentiasa waspada menjaga diri ma-sing-masing jangan sampai kita melanggar tegahan Allah Taala, dan pasti-kan-lah bahawa segala amalan, perkataan dan hati kita sa-laras dengan kehendak ajaran Islam yang benar, supaya kita akan memperoleh kesela-matan dan kebahagiaan di-dunia dan di-akhirat.




## Waktu2 sembahyang, imsak dan matahari terbit

WAKTU2 sembahyang, imsak dan matahari terbit bagi Daerah Brunei-Muara, Tutong dan Temburong mulai dari hari Rabu 3hb Disember, 1980 hingga ka-hari Selasa 9hb Disember, 1980 ada-lah saperti di-bawah ini: —

| Hari Bulan | Dzuhor | Asar | Magrib | Isha | Imsak | Suboh | Matahari Terbit |
|---|---|---|---|---|---|---|---|
| 3hb Dis | 12.15 | 3.34 | 6.12 | 7.26 | 4.41 | 4.56 | 6.14 |
| 4hb Dis | 12.15 | 3.34 | 6.12 | 7.26 | 4.41 | 4.56 | 6.14 |
| 5hb Dis | 12.15 | 3.34 | 6.12 | 7.26 | 4.41 | 4.56 | 6.14 |
| 6hb Dis | 12.18 | 3.36 | 6.13 | 7.28 | 4.44 | 4.59 | 6.17 |
| 7hb Dis | 12.18 | 3.36 | 6.13 | 7.28 | 4.44 | 4.59 | 6.17 |
| 8hb Dis | 12.18 | 3.36 | 6.13 | 7.28 | 4.44 | 4.59 | 6.17 |
| 9hb Dis | 12.18 | 3.36 | 6.13 | 7.28 | 4.44 | 4.59 | 6.17 |

Waktu2 sembahyang dan imsak bagi Daerah Belait hendak-lah di-tambah tiga minit pada tiap2 waktu.

Sembahyang Juma'at di-seluroh Negeri Brunei di-mulai pada pukol 12.45 tengah hari.

# SEMBAHYANG JENAZAH

O
**Bingkisan minggu ini**

SA-TIAP yang ber-nyawa pasti akan menemui kematian apa-bila sudah sampai ajal-nya yang telah di-tentukan oleh Allah s.w.t. Dan bagi kita yang maseh hidup hendak-lah menyedari akan hakikat itu, dan hen-dak-lah segera menganali-sa betapa adil-nya Allah s.w.t. itu terhadap semua makhlok2 yang di-chipta-kan-Nya.

Jadi untok menandakan betapa patoh-nya kita akan segala perintah2 Allah itu, kita jangan-lah pula terburu-buru mele-paskan perasaan sedeh yang tidak terbatas apa-bila salah sa-orang dari-pada ahli keluarga kita pergi menyahut panggilan Allah s.w.t. itu, kerana ke-alpaan ini sering kali ber-laku hinggakan perbuat-an-perbuatan yang kurang manis di-pandang dan kurang elok di-dengar se-lalu saja mengambil tem-pat di-dalam suasana ke-sedehan itu. Mithal-nya: menangis meraung sambil memperkatakan sa-suatu yang kadang2 bertentangan dengan ajaran2 Islam.

Perbuatan saperti ini sa-wajar-nya hendak-lah di-hapuskan dari perasaan kita, kerana kepergian mereka yang meninggal-kan kita terlebeh dahulu itu ada-lah sa-mata2 un-tok menyahut seruan Allah dan Allah-lah Yang Maha Berkuasa akan se-gala2-nya. Tambahan pula di-sini-lah juga Allah akan menduga kita manusia sa-bagai makhlok-nya ten-tang ketabahan IMAN kita untok bersifat sabar menghadapi akan ujian-nya. Sa-balek-nya per-kara2 yang sangat2 di-ga-lakkan ia-lah penyertaan sa-tiap umat Islam pada melakukan sembahyang jenazah, membacha ayat2 Al-Kor'an dan sa-bagai-nya, kerana perkara2 sa-perti ini amat-lah di-tun-tut, lagi pun dengan mela-kukan semua perkara2 yang merupakan kebajik-an itu, semoga Allah akan menerima mereka serta mengampunkan akan segala dosa2 yang telah mereka lakukan sa-masa hayat mereka itu dahulu.

Sa-perkara yang ingin di-tegaskan di-sini ia-lah tentang perkara sembah-yang jenazah, sa-bagai-mana yang seringkali ber-laku di-sa-tengah2 tempat, di-dapati apabila sembah-yang jenazah itu di-diri-kan jumlah jemaah yang ikut bersembahyang itu amat-lah sedikit bilangan-nya, sedangkan yang ha-dhir ada-lah ramai, per-kara saperti ini amat-lah menyedehkan. Sunggoh pun sembahyang jenazah hanya merupakan ibadah Fardhu Kifayah, tetapi kita sa-bagai kaum Mus-limin di-galakkan ber-sama2 melakukan-nya, ke-rana di-sana-lah nanti juga terbokti betapa ku-koh-nya perpaduan umat Islam itu dan ini akan da-pat memperkuatkan lagi penyibaran shi'ar Islam kapada masharakat di-sekeliling kita. Tambahan pula sembahyang jenazah yang kita lakukan itu bu-kan-lah mendatangkan per-kara yang sia2, malah Al-lah s.w.t. tetap akan mem-balas kapada kita dengan pahala yang amat besar. Sa-bagaimana Abu Hurairah r.a. pernah berkata yang di-riwayatkan oleh Al-Bukhari dan Muslim yang kira2 bermaksud:

Rasulullah s.a.w. ber-sabda: *"Barangsiapa menghadhiri sa-suatu je-nazah hingga dia bersem-bahyang atas-nya, nescha-ya dia memperoleh satu qirath dan barangsiapa menghadhiri sa-suatu je-nazah hingga jenazah itu di-kuborkan dia mendapat dua qirath."* Sa-orang ber-tanya: *"Apa-kah dua qir-ath itu? Nabi menjawab, saperti dua gunong besar."*

Dengan hadith tersebut ada-lah jelas kapada kita betapa besar-nya pem-balasan Allah s.w.t. ka-pada kita yang sama2 menghadhiri jenazah yang hendak di-sempornakan itu dan di-sa-balek itu da-pat-lah juga ia-nya mem-boktikan kapada kita ba-hawa sa-bagai sa-orang makhlok Allah kita tidak dapat hidup kekal di-atas muka bumi Tuhan ini dan pasti pada satu ketika kita tetap juga akan me-nemui kematian. Dari itu sa-belum Allah menjem-put kita untok menemui-nya, mari-lah kita sama2 bertakwa ka-hadhrat, Al-lah, serta melakukan amal2 yang berkebajikan terha-dap sa-sama manusia se-moga Allah akan tetap memberkati akan segala usaha2 kita yang berupa kebajikan.

## Memelok Ugama Islam

Satu majlis pengIslaman bagi sa-orang bangsa Swit-zerland, telah di-langsong-kan di-rumah Awang Haji Mansor bin Salleh di-Kampong Saba Darat 'B' di-Kampong Ayer, baru2 ini. Beliau di-kenali sa-bagai Awang Aris bin Abdullah, berusia 21 ta-hun dan bertugas sa-bagai sa-orang jurutera.

Majlis di-mulakan de-ngan memperdengarkan bachaan Al-Kor'an oleh Awang Metassim bin Haji Metussin dan di-ikuti de-ngan persembahan zikir. Turut hadhir dalam majlis pengIslaman itu ia-lah Yang Dimuliakan Pehin Orang Kaya Indera Laila (Begawan Mudim) Dato Seri Utama Awang Haji Ismail bin Mat Seruddin. Lebeh 200 jemputan ha-dhir di-majlis tersebut.



Awang Aris.

## Pertandingan membacha Al-Kor'an anjoran PERTIWI

BANDAR SERI BEGA-WAN.—Persatuan Pertiwi Kampong Lurong Dalam akan menganjorkan per-tandingan membacha Al-Koran yang terbuka kapa-da persatuan2 belia dan badan kebajikan serta pen-dudok Kampong Ayer.

Pertandingan itu yang di-jangka akan di-rasmikan oleh Pengerusi Tertinggi Pertiwi, Datin Hajjah Jus-nani akan di-langsongkan di-Sekolah Ugama Kam-pong Lurong Dalam pada hari Ahad 7hb Disember ini mulai jam 1.00 petang.

Pendudok2 kampong dan kawasan sekitarnya ada-lah di-persilakan hadhir bagi menyerikan lagi per-tandingan tersebut yang pertama kali di-anjorkan oleh persatuan itu yang ju-ga sempena menyambut awal tahun 1401 Hijrah.

## YANG DIMULIAKAN PEHIN DATU SERI MAHARAJA MENULIS........



HAJI ISMAIL BIN OMAR ABDUL AZIZ (YDM Pehin Datu Seri Maharaja Dato Seri Utama) D.K., P.S.S.U.B., D.S.L.J., S.M.B., P.H.B.S., P.I.S. Azhar dan U. Cairo. Mufti

# FIDYAH SEMBAHYANG (11)

## Siri ke-56

### PENDAPAT ULAMA SHAFIE

BERKENAAN dengan orang yang mati pada hal ia menanggong sembahyang fardhu yang tiada di-kerjakan-nya pada masa hidup-nya maka ulama Shafie memberikan tiga pendapat :

1. Tiada-lah di-qadhakan sembahyang yang di-tinggalkan-nya (si-mati) dan tiada fidyah bagi-nya kerana tiada keterangan atau dalil dari shara' menyuroh berbuat demikian itu.
2. Satu kumpolan ulama mujtahidin mengatakan : Boleh di-qadhakan sembahyang yang di-tinggalkan oleh-nya pada masa ia hidup ia-itu mengikut suatu hadith. Tetapi kata Imam Ibnu Hajar bahawa hadith itu ada chachat-nya dan tiada dapat di-jadikan dalil. Bagaimana pun qaul (pendapat) ini di-pileh dan di-pakai oleh satu kumpolan daripada ulama Shafie. Imam As-Subki telah mengqadhakan sembahyang fardhu yang telah di-tinggalkan oleh sa-tengah kaum kerabat-nya bagi pehak kerabat-nya itu. Ibnu Burhan pula telah menaqalkan bahawa dalam qaul qadim (bagi Mazhab Shafie): Wajib di-atas wali si-mati jika si-mati itu meninggalkan pusaka membuat sembahyang untok si-mati saperti juga di-buatkan puasa yang di-tinggalkan oleh si-mati bagi si-mati.
3. Menurut satu pendapat yang di-pegang oleh banyak ulama Shafie bahawa wali si-mati itu boleh mengeluarkan makanan (beras atau gandum umpama-nya) dengan kiraan bagi tiap2 satu sembahyang fardhu satu mud (15 tahil) di-bahagi2kan kapada fakir dan miskin sahaja.

### Pahala ibadat untok si-mati

Imam At-Tabari mengatakan: "Sampai kapada si-mati pahala tiap2 ibadat yang di-buatkan untok-nya, sama ada ibadat itu wajib atau sunat." Kitab Sharhul-Mukhtar (Kitab Mazhab Hanafi) menyebutkan bahawa menurut Ahli Sunnah Wal-Jama'ah: "Sa-seorang itu boleh menjadikan (mensedekahkan) amal ibadat-nya dan sembahyang-nya kapada orang lain dan sampai pahala itu kapada orang yang di-maksudkan-nya itu." Pendapat saperti ini juga di-butkan dalam Fathul-Mu'in dan At-Tuhfah dan lain kitab Mazhab Shafie.

Demikian-lah hukum mengerjakan sembahyang untok si-mati yang telah meninggalkan sembahyang fardhu ketika maseh hidup. Jika ia ada di-dunia (maseh hidup) berjalan-lah hukum shara' ka-atas-nya dalam perkara meninggalkan sembahyang fardhu ini. Dalam hal ini, dia (si-mati) ada-lah di-bawah pertimbangan dan kehendak Allah sama ada di-ampunkan kesalahan-nya atau di-azabkan-nya kemudian ia masok ka-dalam shorga sa-telah menerima hukuman azab itu.

### Sedekah dan doa untok yang mati

Ada pun bersedekah kerana si-mati dan doa bagi si-mati itu sama ada datang-nya daripada warith si-mati atau orang lain ada-lah memberi guna kapada si-mati (demikian sa-kata ijma' umat Islam). Maksud memberi guna sedekah orang lain untok si-mati ia-lah sa-olah2 si-mati itu bersedekah daripada pehak diri-nya sendiri dan dia dapat pahala-nya.

Al-Imam Ash-Shafie (r.a.) pula mengatakan : "Orang yang berbuat sedekah kerana si-mati di-beri pahala juga dengan kelebehan lempah ehsan Allah Ta'ala." Dari perkataan Imam Shafie itu, berkata ulama2 Shafie bahawa sunat sa-seorang anak berniat sedekah untok ibu bapa-nya, dan Allah Ta'ala akan mengorniakan pahala kapada ibu bapa-nya dan anak itu pula dapat pahala tiada kurang sa-suatu dari pahala bersedekah kerana ibu bapa-nya itu.

### Doa anak untok ibu bapa

Berhubong dengan doa itu memberi guna, maksud-nya; apa yang di-doakan itu sampai kapada si-mati ia-itu jika doa itu di-terima oleh Allah Ta'ala daripada yang berdoa, kerana doa itu sa-benar-nya hanya-lah satu permohonan dan pertolongan kapada si-mati. Seterus-nya yang berdoa tetap-lah juga akan menerima pahala dari doanya. Mengenai dengan doa anak kapada ibu bapa-nya maka pahala doa itu sampai terus kapada ibu bapa-nya, kerana doa anak kapada kedua-nya itu suatu dari amal dan perbuatan ibu bapa kerana ibu bapa-nya itu ada-lah sebab bagi ada-nya anak itu.

### Mengenai pahala membacha Kor'an

Mengenai dengan bachaan Kor'an, Al-Imam An-Nawawi dalam Sharah Muslim menyatakan qaul (pendapat) yang mashor dalam Mazhab Shafie ia-itu tiada sampai pahala bachaan Kor'an itu kapada si-mati. Sa-tengah daripada ulama Shafie pula mengatakan bahawa pahala bachaan Kor'an itu sampai kapada si-mati dengan di-qasadkan (di-tujukan) bachaan itu kapada si-mati (sekali pun qasad itu ada sa-telah selesai bachaan itu). Pendapat ini di-pakai oleh Imam2 yang tiga (Malek, Abu Hanifah dan Ahmad bin Hambal). Pendapat ini juga telah di-pakai oleh banyak daripada ulama Shafie yang terkemuka dan telah di-i'timadkan (di-pegang) oleh Imam As-Subki dan lain2.

### Membacha Kor'an di-sisi si-mati

Ada pun pendapat sa-tengah ulama Shafie yang mashor sa-bagai mana di-sebutkan tadi ia-itu tiada sampai bachaan Kor'an kapada si-mati — maksud-nya di-sini : apabila bachaan Kor'an (saperti bachaan Al-Fatihah) tiada di-bachakan di-hadapan si-mati, dan tiada pula orang yang membacha itu berniat bahawa pahala bachaan-nya itu di-hadiahkan kapada si-mati, dan ia tiada berdoa bagi-nya. Imam Shafie telah berkata bahawa sunat membacha sa-berapa yang dapat dari bachaan Kor'an di-sisi si-mati dan berdoa sa-lepas selesai bachaan itu, kerana berdoa sa-lepas bachaan Kor'an itu lebeh di-harapkan akan di-terima Allah dan di-samping itu si-mati mendapat berkat Kor'an yang di-bachakan itu (Demikian menurut At-Tuhfah dan Fathul-Mu'in dan lain2 kitab Mazhab Shafie).

### Kesimpulan-nya

Kesimpulan-nya bahawa meninggalkan sembahyang fardhu yang lima itu ada-lah suatu dosa besar (sa-bagaimana di-sebut dalam Az-Zawajir) dan menjadi fasik (sa-bagaimana di-sebut dalam Al-Bughyah) dan di-hadkan orang yang meninggalkan sembahyang itu jika ia tidak bertaubat (sa-bagaimana di-sebut dalam Al-Minhaj dan lain2).

Ada pun sedekah (termasok waqaf) dan doa telah ijma' umat Islam bahawa kedua-nya memberi guna atau mendatangkan munafaat kapada si-mati. Dengan lain perkataan, sampai pahala sedekah kapada-nya dan sampai tujuan doa kapada-nya apabila di-terima doa itu oleh Allah (s.w.t.).

Ada pun melakukan sembahyang untok si-mati ada tiga pendapat dalam perkara ini : Yang pertama, tiada di-lakukan sembahyang untok si-mati dan tiada di-keluarkan fidyah kerana-nya. Pendapat yang kedua pula, di-lakukan sembahyang fardhu yang ketiga, di-keluarkan fidyah sa-banyak satu mud bagi tiap2 satu sembahyang yang tertinggal itu.

Berkenaan bachaan Kor'an bahawa sampai pahala bachaan Kor'an itu kapada si-mati apabila di-qasadkan bachaan itu untok-nya menurut suatu qaul (pendapat) yang di-pileh oleh kebanyakan ulama Shafie yang terkemuka.

Dan menurut Al-Imam At-Tabari, bahawa sampai pahala tiap2 ibadat yang di-kerjakan untok si-mati sama ada ibadat itu wajib atau sunat.

Menurut pengarang Sharhul-Mukhtar (kitab Mazhab Hanafi) bahawa sa-seorang itu boleh menjadikan pahala amal ibadat-nya dan sembahyang-nya untok orang lain dan sampai pahala itu kapada-nya.

*WALLAHU A'ALAM*

# SENI-FOTO




...ang Norman Lau. **Gambar kiri menunjokkan sijil yang telah di-terima oleh beliau.**



GAMBAR atas dan bawah memperlihatkan YTB Pehin Orang Kaya Laila Setia Bakti Diraja Dato Laila Utama Awang Haji Isa di-sertai oleh isteri YTB sendiri sedang di-bawa menyaksikan pertunjokan gambar2 oleh Awang Norman Lau.

...e yang memenangi ...wang Norman itu ...om Kebawah Duli ...aginda Sultan dan ... Berhormat Pehin ... Dato Laila Utama ...dana Menteri Dato

...MAT

...u yang telah per-...ahun lalu kali ini ...ngakuan Anggota ... Mongkok untok ...oong dalam bidang ...maluddin bin Dato

...kan oleh Awang ...atu penghormatan ...di-terima oleh anak ...akan yang kelima ... Asia Tenggara.

...ampuan yang bo-... Haji Kamaluddin ...arus Seni Foto di-

Jabatan Radio dan Talivishen Brunei menyatakan, 'Penghormatan itu ada-lah terlalu tinggi buat saya kerana saya rasa lebeh banyak lagi orang yang melebehi saya di-Asia Tenggara ini'.

Bagaimana pun kenyataan yang sudah ada, kita tidak dapat menyangkal. Tentu sama2 kita setujui segala apa jua penilaian dan penghargaan yang di-berikan oleh sa-orang yang di-akui mahir tidak akan berchangah dengan sa-suatu kepatutan yang boleh di-terima. Sa-balek-nya ada-kah kita memikirkan yang satu2 kredit yang kita buboh oleh kita untok kita akan mendapat penerimaan umom ?

Apa pun yang maseh menjadi keraguan untok kita menerima sa-penoh-nya apa yang sa-olah2 suatu mimpi itu kita tetap tidak dapat menolak-nya kerana bagi si-pemberi ia sudah tentu membuat satu keputusan yang chukop rapi dan teliti bersandar kapada jasa dan kegiatan yang telah di-laksanakan oleh yang di-beri penghormatan pada kacha mata mereka.

Jadi dari apa yang telah jaya kita chapai sa-jauh ini jelas yang negeri kita sunggoh pun kechil dan agak terpenchil dari arena perlumbaan pada sa-genap bidang termasok fotografi telah tidak kechewa dari kemahuan-nya untok sa-banding dengan negara2 yang sudah mengunyah era2 baru.





... Arphan bin Mohammad.



PEGAWAI Daerah Brunei-Muara Dato Paduka Awang Haji Abdullah bin Haji Md Jaafar selaku pengerusi sambutan Hari Keputeraan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Dipertuan yang ke-34 tahun menerima chenderamata dari Persatuan Fotografi Brunei yang di-sampaikan oleh YTB.




SA-BAHAGIAN dari jawatankuasa penganjor peraduan dan pertunjokan seni-foto.

# LAWATAN DAN TINJAUAN SENGKAT KA-TEMBURONG

Oleh :
JAHRI LATIF

PEKAN BANGAR. — Sa-rombongan 26 orang pegawai kanan kerajaan dan siswazah2 telah mengadakan satu tinjauan sengkat dalam rangka lawatan dua hari ka-Daerah Temburong pada hari Sabtu lepas.

Rombongan itu di-ketuai oleh Pegawai Pentadbir Kanan Jabatan Setiausaha Kerajaan, Awg Haji Mohd Yunos bin Hj. Mohd Hussein. Mereka telah mendengar taklimat di-Bilek Persidangan Pejabat Daerah, oleh Pegawai Daerah Temburong, Awang Haji Yaakub bin Haji Ahmad mengenai fungsi2 pentadbiran jabatan2 kerajaan di-daerah tersebut.

Taklimat itu menyentoh tentang sejarah pembangunan yang telah wujud di-daerah itu dalam ber-bagai-bagai bidang termasok dalam hal ehwal pelajaran, pertanian, bekalan letrik, peranan Jabatan Kerja Raya, kepesatan perkembangan ugama Islam dan keselamatan daerah.

Sa-masa mengadakan lawatan itu, rombongan telah di-bawa melawat kaprojek2 kerajaan dan perusahaan swasta ia-itu Loji Penapisan Ayer Sumbiling, Steshen Pertanian Selangan, Rumah Orang2 Mualaf Kampong Sibut dan akhir sa-kali lawatan ka-Masjid Kampong Bokok.

Mereka juga melawat Ladang Ternakan Udang Galah di-Kuala Biang yang merupakan satu2-nya penternakan yang pernah di-usahakan sa-chara besar-besaran di-Borneo. Tidak juga ketinggalan tinjauan ka-perusahaan batu kelikir yang di-punyai oleh sharikat swasta Puni Quarry Berhad di-Kampong Selangan.

Lawatan tersebut merupakan salah-satu achara sempena mengalu2kan kedatangan tahun Hijrah 1401 yang juga di-selajorkan dengan satu majlis ramah-mesra dan cheramah2 khas keugamaan yang telah di-sampaikan oleh pegawai2 kanan Jabatan Hal Ehwal Ugama, Haji Malai Ahmad Murad bin Malai Haji Mashor dan Awang Yusof bin Haji Tengah yang telah di-adakan di-Masjid Utama Mohammad Salleh pada sebelah malam-nya.

Antara yang menghadhiri majlis itu termasoklah Pegawai Daerah Temburong, Awang Haji Yaakub bin Haji Ahmad, Timbalan Ketua Pos Agong, Awang Abdul Aziz bin Mohammad, Pegawai2 kanan kerajaan, penghulu2 dan ketua2 kampong Daerah Temburong.



BERGAMBAR ramai di-Steshen Pertanian Selangan. Berdiri di-belakang lapan dari kanan ia-lah Pegawai Daerah Temburong, Awang Haji Yaakub bin Haji Ahmad dan di-sebelah kanan beliau, Awang Haji Mohd Yunos bin Haji Mohd Hussein sa-laku ketua rombongan.



MANIS betul limau ini ya! Kata salah sa-orang peserta rombongan kapada Pegawai Daerah Temburong, Awang Haji Yaakub bin Haji Ahmad ketika berada di-Steshen Pertanian Selangan.

## Pemilehan Ketua Kampong Birau

KAMPONG BIRAU, TUTONG. — Satu majlis pemilehan chalon bagi Ketua Kampong Birau, Daerah Tutong akan di-adakan di-Balai Raya sini esok jam 10.30 pagi.

Pemilehan chalon itu ada-lah bagi menggantikan Awang Haji Ratu bin Ismail, yang telah bersara dari jawatan Ketua Kampong tersebut baru2 ini.

Sementara itu, pemilehan Ketua Kampong Batang Mitus akan di-langsongkan di-Sekolah Melayu Batang Mitus, Tutong I pada hari Sabtu 6hb Disember, 1980 mulai jam 2.30 petang, bagi menggantikan Awang Owing bin Aba.

Pendudok2 Kampong yang berkenaan yang berumor 21 tahun ka-atas ada-lah di-minta hadhir pada tarikh dan waktu yang di-tetapkan itu.

Sharat2 untok menjadi chalon ada-lah saperti berikut: —

(a) Chalon hendak-lah sudah bermastautin dalam kampong tersebut sekurang2-nya 3 tahun dan sa-telah di-lantek di-kehendaki bermastautin sa-chara tetap dalam kampong tersebut.

(b) Chalon mesti-lah berumor tidak kurang daripada 30 tahun;

(c) Chalon sekurang2-nya mempunyai kelulusan Darjah IV Sekolah Melayu;

(d) Chalon mesti-lah bukan Pegawai Kerajaan, kakitangan Sharikat atau Badan Perniagaan.

Borang2 pendaftaran sa-bagai chalon boleh di-perolehi daripada Pejabat Daerah Tutong.



PESERTA2 rombongan sedang mendengar taklimat mengenai kemudahan2 bekalan ayer di-daerah ini yang di-berikan oleh Awang Jali bin Lamit (terlindong), Pembantu Teknik Kanan, Bahagian Ayer Temburong.

## Cheramah Belia Sempena 1401 Hijrah

KUALA BELAIT. — Majlis cheramah belia sempena kedatangan Awal Tahun Hijrah 1401 telah di-adakan di-Dewan Kemasharakatan di-sini malam Ahad lalu.

Upachara yang di-anjorkan oleh Majlis Belia-Belia Daerah Belait telah di-mulakan dengan bachaan ayat2 suchi Al-Kor'an yang di-sampaikan oleh Awg Mohd Wali bin Awg Hassan dan para hadhirin kemudian-nya berkesempatan mendengarkan uchapan2 daripada Awg Hassan bin Bakar, yang mewakili Naib Yang Di-Pertua Majlis Belia2 Daerah Belait dan saterus-nya uchapan daripada Awg Mohd Kassim Haji Johan, Penolong Pegawai Daerah Belait.

Cheramah yang bertajok "Masa'alah Berumah Tangga Dalam Islam" telah di-sampaikan oleh Hj Lamit bin Ibrahim dari Jabatan Hal Ehwal Ugama dan kemudian-nya di-susuli dengan achara dailog.

Majlis pada malam itu telah di-meriahkan dengan persembahan2 mendiklamasikan sajak dan persembahan2 nashid daripada Kumpolan Nashid Kelas Dewasa Kor'an Lelaki Mufakat yang di-ketuai oleh Awang Ismail bin Apong.

## Penerbangan tambahan RBA ka-Manila

BANDAR SERI BEGAWAN. — Sharikat Penerbangan Diraja Brunei akan mengadakan penerbangan tambahan ke-Manila pada hari Rabu, 24hb Disember ini.

Penerbangan tambahan yang akan berlepas pada jam empat petang itu, menurut salah sa-orang juruchakap sharikat tersebut, ada-lah di-buat memandangkan keperluan2 orang ramai yang ingin pergi kenegara tersebut di-hari perchutian itu.

"Kami akan mengadakan penerbangan2 tambahan lain seandai-nya penerbangan pertama itu penoh dan penerbangan tambahan yang lain ini juga bergantong kapada jumlah penumpang yang memuaskan," tambah juruchakap tersebut.

Penerbangan2 tambahan ini, walau bagaimana pun, ada-lah bergantong kapada kebenaran2 daripada pehak Kerajaan.

Sharikat Penerbangan Diraja Brunei menchatetkan satu sejarah baru2 ini apabila salah sa-buah daripada pesawat-nya di-sewa khas untok membuat penerbangan ka-Tokyo.

Pesawat RBA yang baru pertama kali mendarat di-negeri tersebut membawa satu rombongan pegawai2 kanan Kerajaan dan kakitangan Sharikat Minyak Shell Brunei yang di-ketuai oleh Setia Usaha Kerajaan dan kakitangan Sharikat Minyak Shell Brunei yang di-ketuai oleh Setia Usaha Kerajaan Brunei, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Laila Wijaya Dato Seri Setia Awg. Haji Abdul Aziz untok menghadhiri satu upachara mengalu2kan ketibaan kargo ke-1,000 LNG di-sana.

Rombongan tersebut berangkat balek pada malam Isnin lepas.

## Penyakit mata merebak

BANDAR SERI BEGAWAN. — Orang ramai telah di-nasehatkan supaya menjauhi tempat2 perhimpunan serta menjaga kebersehan dan kesihatan sendiri berikutan bertambah-nya bilangan orang2 yang mengidap penyakit "Conjunctivitis" (penyakit mata) di-sini.

Beberapa langkah untok menchegah penyakit ini daripada merebak telah pun di-buat dan ini termasok-lah penutopan kolam-kolam berenang awam yang terdapat di-sini.

## Pemereksaan Sukatan dan Timbangan

TEMBURONG. — Inspektor Sukatan dan Timbangan, Jabatan Setia Usaha Kerajaan mengingatkan kapada pemilek2 sukatan dan timbangan di-daerah ini yang belum membuat pemereksaan supaya akan berbuat demikian bertempat di-Rumah Kerajaan Kelas C No: 1, di-Pekan Bangar.

Pemereksaan ka-atas alat2 tersebut akan di-jalankan mulai dari hari Isnin 8hb. hingga hari Khamis 11hb. Disember depan.

Pemereksaan tersebut ada-lah sa-bagai lanjutan kapada lawatan pemereksaan ka-atas sukatan dan timbangan di-daerah ini yang mana telah pun di-jalankan pada awal bulan Oktober, 1980 yang lalu.

# Susunan ranchangan MINGGUAN RADIO

**RABU**

**PAGI**: 6.00—Allah Selamatkan Sultan dan Negara; 6.05 — Sinaran Wahyu; 6.30 — Dendang Suria; 7.00—Tanda Waktu dan Warta Berita, Dendang Suria; 8.00 — Hiboran pilehan; 8.30 — Permintaan Pagi Rabu; 9.30 — Lagu dan Senikata; 10.00 — Tanda Waktu dan Warta Berita; 10.15 — Surat dari London; 10.30 — Autograph Pendengar; 11.00 — Teman Mekar; 11.30 — Bingkisan Tanah Ayer (SU). **T/HARI**: 12.00 — Senandong Ria — Azan Dzohor; 12.45 — Tanda Waktu dan Warta Berita; 1.00 — Penyanyi Harapan; 1.30 — Menjelang Rehat. **PETANG**: 2.00 — Siaran Melayu di-tamatkan. 5.00 — Untok Belia; 5.30 — Tanda Waktu dan Warta Berita; 5.45 — Siri mukkadam — Bingkisan hari ini; 6.10 — Menunaikan sembahyang fardhu maghrih. Lagu2 dakwah. **MALAM**: 7.00 — Serbanika hiboran — Azan isha; 7.30 — Hiboran pilehan; 8.00 — Tanda Waktu dan Warta Berita — berita2 tempatan dalam Bahasa Dusun dan Iban; 8.30 — Permintaan Sukaramai; 9.30—Apa pilehan awda; 10.00 —Tanda Waktu dan Warta Berita; 10.05 — Suntingan Hidayah, Bachaan Al-Koran; 10.20 — Doa Restu; 10.30 — Siaran Melayu di-tamatkan.

**KHAMIS**

**PAGI**: 6.00—Allah Selamatkan Sultan dan Negara; 6.05 — Sinaran Wahyu; 6.30 — Dendang Suria; 7.00—Tanda Waktu dan Warta Berita, Dendang Suria; 8.00 — Rampaian London; 8.15 — Hiboran; 8.30 — Apa pilehan awda (SU); 9.00 — Dendang Antarabangsa; 9.30 — Rampai Sari Hiboran (SU); 10.00 — Tanda Waktu dan Warta Berita; 10.15 — Selingan 10.30 — Permintaan Sukaramai; 11.30—Salam mesra (SU). **T/HARI**: 12.00 — Lagu2 Melayu Asli, Azan Dzohor; 12.45 — Tanda Waktu dan Warta Berita; 1.00 — Chitrawar; 1.30 — Mari Menyanyi; **PETANG**: 2.00 — Siaran Melayu di-tamatkan. 5.00—Majallah Ugama; 5.30 — Tanda Waktu dan Warta Berita; 5.45 — Siri mukkadam — Bingkisan hari ini; 6.09 — Menunaikan sembahyang fardhu maghrib — Lagu2 dakwah. **MALAM**: 7.00 — Tafsir Al-Koran — Azan isha; 7.30 — Bimbingan dari Al-Koran; 8.00—Tanda Waktu dan Warta Berita—berita2 tempatan dalam Bahasa Dusun dan Iban; 8.30—Sandiwara Radio (SU); 9.00—Hidayat; 9.30—Tetamu Minggu ini (SU); 10.00 — Tanda Waktu dan Warta Berita; 10.05 — Suntingan Hidayah, Bachaan Al-Koran, 10.20 — Doa Restu, 10.30 — Siaran Melayu di-tamatkan.

**JUMAAT**

**PAGI**: 6.00—Allah Selamatkan Sultan dan Negara; 6.05 — Sinaran Wahyu; 6.30 — Dendang Suria; 7.00—Tanda Waktu dan Warta Berita, Dendang Suria; 8.00 — Pertanian dan Perikanan; 8.30 — Mari Menyanyi (SU); 9.00—Pelajaran Dewasa Di-Udara; 9.30 — Tafsir Al-Koran (SU); 10.00—Tanda Waktu dan Warta Berita; 10.15—Soalan di-udara; 10.30 — Dari Kampong ka-Kampong; 11.00—Bimbingan Al-Koran (SU); 11.30 — Keluarga Jaya. **T/HARI**: 12.00—Lagu2 dakwah; 12.15—Bachaan Al-Koran; 12.30—Menunaikan Sembahyang Fardhu Jumaat; 1.15 — Qasidah; 1.30 — Tanda Waktu dan Warta Berita; 1.45 — Permainan Gambus (SU). **PETANG**: 2.15 — Varia Peristiwa; 2.30 — Ruangan Kitani; 3.00 — Tanda Waktu dan Warta Berita; 3.15 — Apa Pendapat Awda; 3.30 — Focus radio; 4.00 — Tunas pendidek (SU); 4.30 — Chitrawara; 5.00 — Rakaman radio; 5.30 — Tanda Waktu dan Warta Berita; 5.45 — Suntingan khutbah Jumaat — Siri mukkadam; 6.09—Menunaikan sembahyang fardhu maghrib — Bingkisan hari ini — Lagu2 dakwah. **MALAM**: 7.00 — Cherpen dan Salowah. **MALAM**: 7.00—Cherpen dan selokannya—Azan isha; Gurindam Lagu (SU); 8.00 — Tanda Waktu dan Warta Berita — Melayu, Dusun, Iban; 8.30 — Mari Berpantun/Berbalas Pantun (SU); 9.00 — Permintaan Sukaramai; 9.30 — Majallah Ugama (SU); 10.00 — Tanda Waktu dan Warta Berita; 10.05—Suntingan Restu; 10.30 — Siaran Melayu di-tamatkan.

### APA PILEHAN AWDA



DAYANG Norhayati bte Md Yamin yang beralamat di-No. 19, Kampong Tamoi Ujong, Brunei akan mengisikan ruangan Apa Pilehan Awda minggu ini.

Lagu2 pilehan Dayang Norhayati akan dapat awda ikuti pada malam ini jam 9.30 malam dan siaran ulangan-nya akan ka-udara pada pagi esok Khamis, jam 8.30 pagi.

**SABTU**

**PAGI**: 6.00—Allah Selamatkan Sultan dan Negara; 6.05 — Sinaran Wahyu; 6.30 — Dendang Suria; 7.00—Tanda Waktu dan Warta Berita — Sunitngan hidayat/Peringatan harian; 7.30 — Pada hemat saya; 8.00—Soalan di-udara; 8.30—Dendang Antarabangsa; 9.30 — Apa Pendapat Awda (SU); 10.00 — Tanda Waktu dan Warta Berita; 10.15 — Varia Peristiwa (SU); 10.30—Serbanika hiboran (SU); 11.00 — Focus radio (SU); 11.30 — Berdendang dengan ku. **T/HARI**: 12.00 — Rampaian Tengahari, Azan Dzohor; 12.45 — Tanda Waktu dan Warta Berita; 1.00 — Permintaan Hujong Minggu. **PETANG**: 2.00 — Pelajaran Dewasa Di-Udara (SU); 2.30 — Lagu dan Senikata (SU); 3.00 — Tanda Waktu dan Warta Berita; 3.15—Hiboran selingan — Azan fardhu dzohor; 3.30 Cherpen dan selokan-nya; 4.00 — Chitra irama; 4.30 — Mutiara asli (SU); 5.00 — Rampaian Peristiwa dunia; 5.30 — Tanda Waktu dan Warta Berita; 5.45 — Siri mukkadam; 6.09 — Menunaikan sembahyang maghrib — Bingkisan hari ini—Lagu dakwah. **MALAM**: 7.00 — Dari kampong ka-kampong (SU) — Azan fardhu isha; 7.30 — Mutiara gambus (SU); 8.00 — Tanda Waktu dan Warta Berita — berita2 tempatan dalam Bahasa Dusun dan Iban; 8.30 — Drama dalam shear (SU); 9.00 — Hiboran pilehan; 9.30 — Titian budaya; 9.45 — Senandong malam; 10.00 — Tanda Waktu dan Rengkasan Berita; 10.05 — Suntingan hidayah; 10.07 —Bachaan ayat suchi Al-Koran; 10.20 — Doa restu; 10.30 — Siaran Melayu di-tamatkan.

**AHAD**

**PAGI**: 6.00—Allah Selamatkan Sultan dan Negara; 6.05 — Sinaran Wahyu; 6.30 — Dendang Suria; 7.00—Tanda Waktu dan Warta Berita, Dendang Suria; 8.00 — Dunia Wanita; 8.30 — Pesta Pop; 9.00 — Taman Mekar; 9.30 — Doktor Radio; 10.00 — Tanda Waktu dan Warta Berita; 10.15 — Titian Sastera/Budaya Kita; 10.30 — pancharagam Tempatan; 11.00 — Permintaan dua station. **T/HARI**: 12.00 — Sandiwara radio; Azan Dzohor; 12.45 — Tanda Waktu dan Warta Berita; 1.00 — Combo RTB; 1.45 — Pilehan instrumental. **PETANG**: 2.00Petikan dari filem; 3.00 — Tanda Waktu dan Warta Berita; 3.15 — Mari berpantun, Azan Asar; 3.45 — Sokan dan olahraga; 4.15 — Drama dalam shaer; 4.45 — Pilehan juruhebah; 5.00 — Rakaman Radio; 5.30 — Tanda Waktu dan Warta Berita; 6.00 — Tuntunan zikir diradio; 6.09 — Mununaikan sembahyang fardhu maghrib, Bingkisan hari ini, Lagu2 dakwah. **MALAM**: 7.00 — Suara parajurit, Azan fardhu isha; 8.00 — Tanda Waktu dan Warta Berita, berita2 tempatan dalam Bahasa Dusun dan Iban; 8.30 — Gurindam Lagu; 9.00 — Tunas pendidek; 9.30 — Permintaan lagu lama; 10.00—Tanda Wakta dan Rengkasan Berita; 10.05 — Suntingan hidayat; 10.07 — Bachaan ayat2 suchi Al-Koran; 10.20 — Dao restu; 10.30 — Siaran Melayu di-tamatkan.

**ISNIN**

**PAGI**: 6.00—Allah Selamatkan Sultan dan Negara; 6.05 — Sinaran Wahyu; 6.30 — Dendang Suria; 7.00—Tanda Waktu dan Warta Berita, Dendang Suria; 8.00 — Petikan dari filem (SU); 9.00 — Rampai sari hiboran; 9.30 — Dendang antarabangsa; 10.00 — Tanda Waktu dan Warta Berita; 10.15 —Berdendang dengan ku; 10.30 — Sains dan Perusahaan; 11.00 — Album penyanyi; 1130 — Bingkisan Tanah Ayer (SU). **T/HARI**: 12.00 — Komintar Radio; 12.15 — Rampaian T/Hari, Azan Dhozor; 12.30 — Rampaian Tengah Hari; 12.45 — Tanda Waktu dan Warta Berita; 1.00 — Permintaan Sukaramai. **PETANG**: 2.00 — Siaran Melayu di-tamatkan. 5.00 — Keluarga Si-Awang; 5.30 — — Siri makkadam, Bingkisan hari ini; 6.10 — Menunaikan sembahyang fardhu maghrib, Lagu2 dakwah. **MALAM**: 7.00 — Penyanyi harapan; 7.30 — Lagu2 dakwah; 8.00 — Tanda Waktu dan Warta Berita, berita2 tempatan dalam Bahasa Dusun dan Iban; 8.30 — Chitra iama (SU); 9.00 — Pertanian dan perikanan; 9.30—Mutiara asli; 10.00 — Tanda Waktu dan Rengkasan Berita; 10.05 — Suntingan hidayah; 10.07 — Bachaan ayat2 suchi Al-Koran; 10.20 — restu; 10.30 — Siaran Melayu di-tamatkan.

**SELASA**

**PAGI**: 6.00—Allah Selamatkan Sultan dan Negara; 6.05 — Sinaran Wahyu; 6.30 — Dendang Suria; 7.00—Tanda Waktu dan Warta Berita, Dendang Suria; 8.00 — Suara Parajurit (SU); 9.00 — Permintaan Untok Wanita; 10.00 — Tanda Waktu dan Warta Berita; 10.15 — Rampaian London; 10.30 — Autograph pendengar (SU); 11.00 — Doktor Radio (SU); 11.30 — Salam mesra; **T/HARI**: 12.00—Hiboran rampaian tengah hari, Azan fardhu dzohor; 12.45 — Tanda Waktu dan Warta Berita; 1.00 — Tamu Minggu ini; 1.30 — Ku sampaikan Salam. **PETANG**: 2.00 — Siaran Melayu di-tamatkan. 5.00 — Rakaman Radio; 5.30 — Tanda Waktu dan Warta Berita; 5.45 — Siri mukkadam, Bingkisan hari ini; 6.10 — Menunaikan sembahyang fardhu maghrib, Lagu2 dakwah. **MALAM**: 7.00—Ruangan ketani (SU); 7.30 — Album Penyanyi (SU), Azan Isha; 8.00 — Tanda Waktu dan Warta Berita—Melayu. Dusun, Iban; 8.30 — Pencharagam (SU); 9.00 — Dunia Wanita (SU); 9.30 — Keluarga Jaya (SU); 10.00 — Tanda Waktu dan Warta Berita; 10.05 — Suntingan Hidayah, Bachaan Al-Koran; 10.20 — Doa Restu; 10.30 — Siaran Melayu di-tamatkan.

## RANCHANGAN RADIO BAHAGIAN INGGERIS

**WEDNESDAY**

**AM**: 6.58 — Opening Announcement; 7.00 — World News (BBCWS Relay); 7.10 — Local News; 7.15 — Musical Hour; 8.15 — Radio Newsreel (BBCWS Relay); 8.30 — Close Down. 11.00 — Opening Announcement — English Examined: Prog. 18; 11.15 — Lunch Music. **NOON**: 12.00 — Melody Time. **PM**: 12.30 — News; 12.45 — International Money Programme; 1.00 —The Big Band Sounds; 1.30 — Close Down. 8.00 — Opening Announcement — English Examined: Prog. 18 (repeat); 8.15 — Midweek Greetings by Jaafar Yaakub; 8.45 — Dateline; 9.15 — News; 9.30 — The Pleasure of Your Company presented by Dorn Williams produced by Viviyanti Ali; 10.00—Close Down.

**THURSDAY**

**AM**: 6.50 — Opening Announcement; 7.00 — World News (BBCWS Relay); 7.10 — Local News; 7.15 — Musical Hour; 8.15 — Radio Newsreel (BBCWS Relay); 8.30 — Close Down. 11.00 — Opening Announcement — Thursday's Bandwagon; **NOON**: 12.00 — My Music—245/267; 12.30 — News; 12.45—Lunch Break by Evelyn Samuel; 1.00 — The Moody Blues Story Part 4 (Side 2 of 2); 1.30—Close Down. 8.00 — Opening Announcement — Sixty-Minute Theatre: "The Rage Among Lilies" by Bruce Stewart; 9.00 — Interlude; 9.15 — News; 9.30 — Classical Show Case XIII 12. Concert: J.S. Bach, 10.00 — Close Down.

**FRIDAY**

**AM**: 6.58 — Opening Announcement; 7.00 — World News (BBCWS Relay); 7.10 — Local News; 7.15 — Musical Hour; 8.15 — Radio Newsreel (BBCWS Relay); 8.30 — Close Down. 11.00 — Opening Announcement — Maigret — Prog. 4: Maigret Goes Home; 11.45 — Light Music From The Netherland. **NOON**: 12.00 — Radioscope by Vivianti Ali. **PM**: 12.30 — News; 12.45 — The Paramour Sound; 1.15 — World or Education; 1.30 — Close Down. 8.00 — Opening Announcement — Calling On You by Sheikh Abbas; 9.00 — BBC World Report; 9.15 — News; 9.30—Dr Finlay's Casebook; 10.00 — Close Down.

**SATURDAY**

**AM**: 6.58 — Opening Announcement; 7.00 — World News (BBCWS Relay); 7.10 — Local News; 7.15 — Musical Hour; 8.15 — Radio Newsreel (BBCWS Relay); 8.30 — Close Down. 11.00 — Opening Announcement—Women's World; 11.30 — International Call. **NOON**: 12.00 — Sweet And Stylish. **PM**: 12.30 — News; 12.45—Lunch Break by Lynette Lithgow; 1.00 — Nice to Know You by Jaafar Yaakub; 1.30 — Close Down. 8.00 — Opening Announcement — The Practical World; 8.15 — Saturday Mail Bag presented by Ak Hisamuddin; 9.00 — Room at the Top; 9.15 — News; 9.30 — Top of The Pops; 10.00 — Close Down.

**SUNDAY**

**AM**: 6.58 — Opening Announcement; 7.00 — World News (BBCWS Relay); 7.10 — Local News; 7.15 — Musical Hour; 8.15 — Radio Newsreel (BBCWS Relay); 8.30 — Close Down. 11.00 — Opening Announcement — Battle of Words produced by Tajul Ahmad; 11.30 — Children's Half Hour by Veronica Shim. **NOON**: 12.00 — Top of the Pops (repeat). **PM**: 12.30 — News; 12.45—Rock Line; 1.00—Belait At One by Andrew Pastouna and Ideris Ali; 1.30—Close Down. 8.00 — Opening Announcement — Battle of Words (repeat); 8.15 — Perspective; 8.45 — The Young Sound by Ak Hisamuddin; 9.15 — News; 9.30 — Sunday Night's Special with Ideris Ali; 10.00 — Close Down.

**MONDAY**

**AM**: 6.58 — Opening Announcement; 7.00 — World News (BBCWS Relay); 7.10 — Local News; 7.15 — Musical Hour; 8.15 — Radio Newsreel (BBCWS Relay); 8.30 — Close Down. 11.00 — Opening Announcement — English Examined: Prog. 19; 11.15 — Hello Tomorrow; 11.30 — Music-Go-Round. **PM**: 12.30 — News; 12.45 — Science Potpourri produced by Charan Chand; 1.15—Brunei Tourists In London; 1.30—Close Down. 8.00 — Opening Announcement—Maigret — Prog 4 (repeat); 8.45 — Monday's Night Mail by Veronica Shim; 9.15 — News; 9.30 — The World of Books; 10.00 — Close Down.

**TUESDAY**

**AM**: 6.58 — Opening Announcement; 7.00 — World News (BBCWS Relay); 7.10 — Local News; 7.15 — Musical Hour; 8.15 — Radio Newsreel (BBCWS Relay); 8.30 — Close Down. 11.00 — Opening Announcement — BBC Sports Magazine; 11.15 — Housewives' Special. **NOON**: 12.00 — Doctor At Large. **PM**: 12.30 — News; 12.45 — Lunch Break by Evelyn Samuel; 1.00 — International Hits Made in Germany; 1.30 — Close Down. 8.00—Opening Announcement — Stereo Pop Special "Mike Oldfield (Part 1) Side 1; 8.30 — Radioscoue (repeat); 9.00—English Examined: Prog. 19 (repeat); 9.15 — News; 9.30 — Belait At One (repeat); 10.00 — Close Down.

**BELIA DAN SOKAN**

# DUA TERIMA DIPLOMA PENYELARAS LUMBA BASIKAL

BANDAR SERI BEGAWAN. — Awang Azahari Mohd Ali, dan Pengiran Haji Mohammad Pengiran Haji Chuchu, Yang Dipertua dan Setiausaha Agong Persatuan Lumba Basikal Amator Negeri Brunei telah kembali katanah ayer akhir bulan lalu setelah berjaya mengikuti seminar perlumbaan basikal di-Manila.

Ini ada-lah kursus yang pertama di-anjorkan oleh F.I.A.C. (Federation International Cycling Association) di-rantau Asia ini dan kejayaan yang di-chapai oleh kedua2 peserta dari negara kita ini telah mengiktirafkan mereka sebagai pemegang Diploma Penyelarasan Perlumbaan Basikal Kebangsaan, (Diplome De Commissaire National De Cyclisme).

"Untok mendapatkan pengikhtirafan ini, kami telah mendudoki pepereksaan2 bertulis dan lisan dan daripada 37 orang peserta yang mengikuti seminar tersebut, chuma 23 orang telah berjaya," jelas Pg Hj Mohammad sewaktu kami temui baru2 ini.

Kejayaan yang mereka perolehi telah membuka jalan bagi mereka mendudoki pepereksaan yang lebeh tinggi lagi dan mengikut Awg Azahari, setelah tiga tahun mereka memegang diploma tersebut mereka dengan sendiri-nya di-bolehkan mendudoki pepereksaan Kommissaire Antarabangsa.

Ini, tambah Azahari ada-lah bergantong di-atas beberapa sharat lagi yang termasok mereka di-kehendaki menganjorkan sekurang2-nya 12 perlumbaan basikal di-dalam jangka masa tiga tahun.

Kejayaan yang mereka perolehi ini, walau bagaimana pun, telah membolehkan mereka menjadi kommissaire atau pun pegawai di-banyak kejohanan2 perlumbaan basikal.

Kursus yang mereka ikuti tersebut bermula pada 14hb Nobember dan berakhir pada 21hb.



KEDUA2 pegawai dengan diploma yang telah mereka perolehi. Di-kiri ia-lah Awang Azahari Ali dan di-kanan ia-lah Pengiran Haji Mohammad bin Pengiran Haji Chuchu.




PARA peserta kursus bergambar bersama pehak penganjor.



PERLAWANAN dalam bahagian perseorangan.



PERLAWANAN dalam bahagian bergu.

## Badminton Antara Jabatan2

BANDAR SERI BEGAWAN. — Perlawanan badminton bagi jabatan2 kerajaan yang di-anjorkan oleh Jabatan Pelajaran Brunei bagi merebut Piala yang di-hadiahkan oleh Pengarah Jabatan Pelajaran, Dato Seri Laila Jasa Awang Haji Ahmad bin Haji Jumat telah bermula minggu lalu.

Perlawanan tersebut ada-lah sempena menyambut Hari Keputeraan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Dipertuan yang ke-34 tahun dan sa-banyak 19 buah pasokan di-jangka akan menyertai-nya.

Hingga Khamis lalu sabanyak empat perlawanan telah pun di-jalankan.

Dalam perlawanan pertama antara Pasokan Pulis 'A' dan Eletrik 'B', Pasokan Pulis 'A' telah berjaya memenangi perlawanan dengan menewaskan pehak lawan dengan kiraan 4 — 1.

Di-malam2 berikut-nya ia-lah perlawanan antara Pasokan Kewangan dengan Pasokan Kastam dan Pasokan Jabatan Kerja Raya dengan Jabatan Pengangkutan Darat.

Dalam perlawanan2 tersebut pasokan Kastam dan Jabatan Kerja Raya telah berjaya mengalahkan lawan mereka. Kedua2 pasokan masing2 telah berjaya memenangi perlawanan dengan kiraan 4 — 1 dan 3 — 2.

Sementara itu dalam perlawanan yang di-jalankan Khamis lalu Pasokan Diraja Brunei telah berjaya mengalahkan Pasokan Talikom dengan tiga perlawanan berbalas dua.

Gambar2 menunjokkan sa-bahagian dari perlawanan yang di-jalankan di-antara Pasokan Pulis dan Pasokan Eletrik 'B'.

# JAWATAN2 KOSONG DAN PEMBERITAHUAN TAWARAN

## SA-BAGAI PENYELIA JURURAWAT KESIHATAN

PERMOHONAN2 ada-lah di-pelawa daripada chalon2 yang berkelayakan untok memenohi jawatan kosong sa-bagai Penyelia Jururawat Kesihatan di-Jabatan Perubatan dan Kesihatan, Brunei.

**Kelayakan2 :**

Pemohon2 hendak-lah mempunyai kelulusan2 yang berikut : —

a) S.R.N.
b) S.C.M.
c) Sijil Pelawat Kesihatan dan Diploma in Advanced Nursing Administration.

**Pengalaman :**

Chalon2 hendak-lah mempunyai sekurang2-nya 5 tahun pengalaman bekerja sa-bagai Ketua Jururawat Kesihatan.

**Tugas2 :**

a) Chalon2 yang berjaya (perempuan) akan bertang-gong-jawab kapada Pegawai Perubatan Kesihatan untok menyelia, mengawal dan mengator tugas2 semua jururawat2 Bahagian Kesihatan dan perbidanan dan lain2 perkara yang mungkin berbangkit dari masa ka-semasa.

b) Dia hendak-lah menyelaraskan semua aspek kerja2 Rawatan Kesihatan dan berkerjasama dengan Pegawai Perubatan Kesihatan.

c) Dia hendak-lah juga berhubong rapat dengan Pengetua Jururawat Jabatan Perubatan dan Kesihatan mengenai semua perkara2 yang berkaitan dengan Perbidanan dan Pengambilan jururawat bahagian Kesihatan.

M. 12 — B$2460-2555-2650-2745 / EB / 2840 - 2935-3030-3125-3220. Gaji permulaan bergantong kapada kelayakan2 dan pengalaman.

**Sharat2 Lantekan :**

Chalon2 yang bukan terdiri dari raayat Brunei akan ditawarkan kontrek tiga tahun dengan kadar baksis 25% daripada gaji sa-telah genap menamatkan tempoh kontrek.

Mereka yang terdiri dari raayat Brunei akan di-lantek ka-jawatan tetap sa-telah menjalani satu tempoh perchubaan.

Pada masa ini tidak ada Chukai Pendapatan di-kenakan di-Brunei.

Permohonan2 mesti-lah di-hantar dalam dua salinan borang yang boleh di-dapati daripada Jabatan Perjawatan, Brunei dan hendak-lah di-kembalikan bersama2 dengan salinan surat2 akuan dan sijil2 tidak lewat dari 24hb Januari, 1981.

(E/1881/76)
(Bil: 162/1980)

## SA-BAGAI WIREMAN TINGKAT 1

PERMOHONAN2 ada-lah di-pelawa daripada chalon2 yang terdiri dari raayat D.Y.M.M. Sultan untok memenohi jawatan kosong sa-bagai Wireman Tingkat I di-Jabatan Laut, Brunei.

**Kelayakan2 dan Pengalaman:**

a) Pemohon2 mesti-lah berumor dari 25 tahun dan mempunyai sekurang2-nya enam tahun pengalaman praktikal sa-bagai electrical wireman.
b) Pemohon2 mesti-lah pandai membacha electrical circuit dan rajah2 wiring
c) Pemohon2 mesti-lah mempunyai pengetahuan baik tentang alat2 kelengkapan yang di-gunakan dan chara2 wiring electrical circuit.
d) Pemohon2 mesti-lah tahu tentang pemeliharaan dan overhaul 'am bahagian2 electrical starter motors, batteri2, generator2 kechil, peralatan lighting dan electrical motors.

**Tangga Gaji :**

E. 1-2-3 EB. 4 — $410-425-440-455-470-485-500-515-530-545-560-575-590-605/EB/620-630-645-660-680-700.

Sa-seorang yang sedang berkhidmat dengan Kerajaan hendak-lah menghantar permohonan-nya melalui Ketua Jabatan-nya dan Ketua Jabatan itu hendak-lah menyertakan bersama2 dengan permohonan ini satu Laporan Sulit dan satu salinan Rekod Perkhidmatan yang lengkap.

Permohonan2 mesti-lah di-hantar dalam dua salinan borang yang boleh di-dapati daripada Jabatan Perjawatan, Brunei dan hendak-lah di-kembalikan bersama2 dengan salinan surat2 akuan dan sijil2 tidak lewat dari 27hb Disember, 1980.

(E/549/77)
(Bil : 160/1980)

## TENDER NOTICE

### TENDER FOR ELECTRICAL INSTALLATION FOR PROPOSED BRITISH SGT. MESS AND B.O.R. QUARTERS, ARMY WORK SERIA

1. TENDERS will be received by the Chairman, Tenders Board at the office of the State Financial Officer, Ground Floor, Secretariat Building, Bandar Seri Begawan, Brunei from Registered Class 'A' and 'B' Electrical Contractors up to 12.00 noon, 23rd December, 1980.

2. Tenders received after the stipulated time will be rejected.

3. Tenders must be submitted in sealed envelopes bearing no indication of the name of the tenderers and shall be marked clearly "TENDER FOR ELECTRICAL INSTALLATION FOR PROPOSED BRITISH SGT. MESS AND B.O.R. QUARTERS, ARMY WORK SERIA".

4. Tender documents may be obtained from the office of Messrs Brisma International Consultants, Room 15-17, 2nd Floor, Hongkong Bank Chambers, Bandar Seri Begawan, Brunei from 3rd December 1980 onwards during normal office hours.

5. The tender deposit will be B$500.00 (Brunei Dollars: Five Hundred Only) in the form of Bank Draft drawn in the name of the Government of Brunei. The tender deposit will not be refunded to the successful tenderer.

The tender deposit shall be returned to all unsuccessful tenderers who have submitted bona-fide tenders and who have returned the tender drawings in satisfactory condition to the Engineer's office.

6. Prior to the issue of tender document, each tenderer will be required to produce documentary evidence that he is a Class 'A' or 'B' Electrical Contractor.

7. The Government of Brunei does not bind itself to accept the lowest or any tender.

## TENDER NOTICE

TENDERS will be received by the Chairman, Tenders Board, at the office of the State Financial Officer, Ground Floor, Secretariat Building, Bandar Seri Begawan, for the construction of the Agriculture Science Unit at Sinaut Agriculture Training Centre.

Details are available from the Farm Manager, Sinaut Agriculture Training Centre, Mile 21, Jalan Tutong during office hours.

Tenders should be submitted in a plain sealed envelope with no indication of the tenderer's name or address but clearly marked:—

AGRICULTURE SCIENCE UNIT — DEPARTMENT OF AGRICULTURE

not later than 12.00 noon on Monday 15th December 1980

Tenders received after this date will be rejected.

The Government of Brunei does not bind itself to accept the lowest or any tender.

## TENDER NOTICE

### PUBLIC WORKS DEPARTMENT
### BANDAR SERI BEGAWAN WATER SUPPLY, STAGE 3
### KUALA BELAIT WATER SUPPLY, STAGE 2
### CONTRACT No. 8
### SUPPLY OF PIPES, SPECIALS, VALVES AND FITTINGS

TENDERS are invited from suitable firms for the supply to Brunei of steel pipes, and either asbestos cement or UPVC pipes, specials, valves and fittings for use on various proposed pipelines in the Bandar Seri Begawan, Tutong and Kuala Belait districts.

Tender documents are obtainable from the Consulting Engineers, Watson (S.E. Asia), at either of the following addresses : —

Room 40,
Hongkong Bank Chambers,
Bandar Seri Begawan.
Brunei.

OR

18th Floor,
Tunas Building,
Anson Road,
Singapore 0207.

Documents will only be issued to firms who have manufacturing ability or to the authorised agents of such firms.

Applications for documents must be accompanied by a Tender Deposit in the form of a crossed cheque for B$1,000.00 payable to the Government of Brunei. The deposit will be refunded to every unsuccessful tenderer who submits a bona-fide tender, but not to the successful tenderer.

Tenders are to be submitted to the Chairman of the Tenders Board not later than 12.00 noon on Monday, 27th January, 1981.

## Sa-bagai Kerani Penjalan Punch

PERMOHONAN2 ada-lah di-pelawa daripada chalon2 yang terdiri dari raayat D.Y.M.M. Sultan untok memenohi jawatan kosong sa-bagai Kerani/Penjalan Punch di-Yunit Peranchang Ekonomi, Pejabat Setia Usaha Kerajaan, Brunei.

**Kelayakan2 dan Pengalaman :**

a) Pemohon2 mesti-lah lulus Sijil Rendah Pelajaran Brunei atau yang sebanding dengan-nya.

b) Faseh Bahasa Melayu.

c) Mempunyai kechenderongan kapada angka2. Pemohon2 yang tidak mempunyai kelulusan di-(a) tetapi mempunyai pengalaman dalam kerja2 memasokkan perangkaan bagi kegunaan komputer sama ada melalui DDE atau kad tebok akan juga di-pertimbangkan.

**Tugas2 :**

a) Untok memerksa dan memasokkan kod2 yang sesuai bagi data input.

b) Untok memasokkan data melalui mesin DDE atau kad tebok.

c) Mungkin di-kehendaki bertugas di-lain2 masa berkerja (shift).

**Tangga Gaji :**

D. 1-2-3 EB. 4-5—$425-440-455-470-485-500-515-535-555-580-605-630-655-720-755-790-825-860-900 / EB / 980-1010-1040-1070-1105 - 1140 - 1175 - 1200-1230-1260-1290.

Sa-seorang yang sedang berkhidmat dengan Kerajaan hendak-lah menghantar permohonan-nya melalui Ketua Jabatan-nya dan Ketua Jabatan itu hendak-lah menyertakan bersama2 dengan permohonan ini satu Laporan Sulit dan satu salinan Rekod Perkhidmatan yang lengkap.

Permohonan2 mesti-lah di-hantar dalam dua salinan borang yang boleh di-dapati daripada Jabatan Perjawatan, Brunei dan hendak-lah di-kembalikan bersama2 dengan salinan surat2 akuan dan sijil2 tidak lewat dari 27hb Disember, 1980.

(E/871/71)
(Bil : 159/1980)

## TENDER NOTICE

### TENDER FOR AIR-CONDITIONING INSTALLATION FOR PROPOSED BRITISH SGT. MESS AND B.O.R. QUARTERS, ARMY WORK SERIA

1. TENDERS will be received by the Chairman, Tenders Board at the office of the State Financial Officer, Ground Floor, Secretariat Building, Bandar Seri Begawan, Brunei from Registered Class 'A' or 'B' Air-Conditioning Contractors up to 12.00 noon, 23rd December, 1980.

2. Tenders received after the stipulated time will be rejected.

3. Tenders must be submitted in sealed envelopes bearing no indication of the name of the tenderers and shall be marked clearly "TENDER FOR AIRCONDITIONING INSTALLATION FOR PROPOSED BRITISH SGT. MESS AND B.O.R. QUARTERS, ARMY WORK SERIA."

4. Tender documents may be obtained from the office of Messrs. Brisma International Consultants, Room 15, 2nd Floor, Hongkong Bank Chambers, Bandar Seri Begawan, Brunei from 3rd December, 1980 onwards during normal office hours.

5. The Tender Deposit will be B$500.00 (Brunei Dollars: Five Hundred Only) in the form of Bank Draft drawn in the name of the Government of Brunei. The tender deposit will not be refunded to the successful tenderers.

The Tender Deposit shall be refunded to all unsuccessful tenderers who have submitted bona-fide tenders and who have return the tender drawings in satisfactory condition to the Engineer's Office.

6. Prior to the issue of tender document, each tenderer will be required to produce documentary evidence that he is a Class 'A' or 'B' Air-Conditioning Contractor.

7. The Government of Brunei does not bind itself to accept the lowest or any tender.

## Jawatan2 Kosong di-Sektor2 Swasta

**Nama Majikan**

Sharikat Hasrah,
No. 50, Jalan Sultan,
P.O. Box 1399,
Bandar Seri Begawan,
Brunei.

**Nama Jawatan :**

PEMANDU PICK-UP

bagi lelaki (2 kekosongan)
Gaji : $350-$400 sa-bulan.

**Tugas2 :**

Memandu pick-up bagi Shellane Gas menghantar tong2 Gas ka-rumah2 pelanggan, atau di-mana2 tempat atau rumah orang2 ramai yang berkehendakan atau memesan-nya.

Gaji—sunggoh pun di-berikan gaji pokok antara $350 atau $400 sa-bulan, juga akan menerima komisen2 dari hasil jualan terta'alok bilangan banyak jualan pada sa-hari, atau sa-bulan.

**Nama Majikan**

Sharikat Ching Chuan,
(Mr. Ang Swee Chuan)
P.O. Box 2060,
Bandar Seri Begawan,
Brunei.

**Nama Jawatan :**

PEMANDU KENDERAAN PERSENDIRIAN — lelaki

(1 kekosongan)

Gaji : $450 sa-bulan.

**Tugas2 :**

Memandu kenderaan atau motokar persendirian (personal driver) bagi urusan2 sendiri majikan. Hendak-lah mempunyai lesen memandu kelas III dan mempunyai rekod yang berseh. Sa-baik2 hendak-lah berumor antara 25 hingga 40 tahun.

Chalon2 yang terdiri dari raayat Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Dipertuan Negeri Brunei, atau pendudok2 tetap Negeri Brunei ada-lah di-pelawa untok memenohi kekosongan2 kerja saperti di-atas. Mereka ada-lah di-minta menghubongi Jabatan Buroh, Bandar Seri Begawan, Brunei.

## TENDER NOTICE

### TENDER FOR ELECTRICAL INSTALLATION TO PROPOSED CADET TRAINING ACCOMMODATION AT BANGAR CAMP

REGISTERED Class 'A' and 'B' Electrical Contractors with Brunei Electrical Department are invited to submit tender for the complete supply and installation of Electrical Services for Cadet Training Accommodation at Bangar Camp.

Tender document can be obtained from the office of Messrs Leeng Consulting Engineers, No. 207 Lot 5440, Shophouse Complex, Mile 1¼, Jalan Tutong, Bandar Seri Begawan, Brunei from 3rd December, 1980 onwards during normal office hours. The tender deposit of $500.00 shall be in the form of a cheque in favour of Brunei Government refundable only to all unsuccessful tenderers upon receipt of a bona fide tender and the return of documents and drawings.

Tender must be submitted on the provided Tender Form and must reach the office of the Chairman, Tenders Board, State Secretariat Building, Bandar Seri Begawan, Brunei not later than 12.00 noon, 23rd December, 1980. Tenders received after the stipulated time will be rejected.

Tender shall be enclosed in a plain sealed envelope marked :—TENDER FOR ELECTRICAL INSTALLATION FOR CADET TRAINING ACCOMMODATION AT BANGAR CAMP.

Our clients, the Government of Brunei, do not bind themselves to accept the lowest or any tender.

## PEMBERITAHUAN TAWARAN

### TAWARAN BAGI MEMBEKALKAN CONCRETE SLAB 2' X 2' X 2" UNTOK JABATAN BANDARAN TUTONG BAGI TAHUN 1981

PEMBORONG2 tempatan ada-lah di-pelawa menghantar tawaran mereka untok membekalkan Concrete Slab bagi keperluan Jabatan Bandaran Tutong.

2. Semua tawaran hendak-lah di-hantar kapada Pengerusi Lembaga Tawaran di-alamat Pejabat Kewangan Brunei dan hendak-lah di-masokkan dalam sampul surat berdaftar (sealed) dan sampul surat tersebut hendak-lah di-tulis dengan perkataan "TAWARAN MEMBEKALKAN CONCRETE SLAB JABATAN BANDARAN TUTONG UNTOK TAHUN 1981" sahaja tanpa membuboh nama pengirim.

3. Semua tawaran hendak-lah sampai kapada Pengerusi Lembaga Tawaran di-alamat Pejabat Kewangan Negara tidak lewat pada 30hb Disember, 1980 jam 4.00 petang dan jika ada tawaran yang di-terima lewat dari tarikh dan jam di-nyatakan itu tidak akan di-layan.

4. Penentuan2-nya (specification) bagi pembelain Concrete Slab itu boleh-lah di-perolehi daripada Pengerusi Lembaga Bandaran Tutong pada bila2 masa waktu pejabat di-buka (terutama-nya perkara yang bersangkutan dengan chara buatan dan bilangan yang di-kehendaki).

5. Kerajaan tidak akan terikat menerima sebarang tawaarn yang lebeh murah atau sa-umpama-nya.

# JAWATAN2 KOSONG DAN PEMBERITAHUAN TAWARAN

## Sa-bagai Pekerja Kebajikan

PERMOHONAN2 ada-lah di-pelawa daripada chalon2 yang mempunyai kelayakan yang sesuai untok di-lantek sa-bagai Pekerja Kebajikan Rumah Sakit di-Jabatan Perubatan dan Kesihatan, Brunei.

**Kelayakan2 dan Pengalaman:**

a) Pemohon2 mesti-lah mempunyai Ijazah Sains Sosial.
b) Pemohon2 mesti-lah mempunyai pengalaman dalam kerja2 sosial rumah sakit sekurang2-nya sa-lama dua tahun.
c) Pemohon2 mesti-lah boleh bertutor dalam Bahasa Melayu; pengetahuan Ugama Islam dan adat istiadat orang2 Melayu ada-lah suatu kelebehan.
d) Pemohon2 mesti-lah pandai memandu.

**Tugas2 :**

Chalon2 yang berjaya akan membantu pesakit2 hospital yang mempunyai masa'alah sosial. Ia akan berhubong antara pesakit2 dengan lain2 Jabatan Kerajaan, dan memberi nasehat kapada pesakit2 mengenai apa jua masa'alah yang mungkin timbul sa-panjang tempoh mereka di-dalam hospital dan sa-sudah mereka keluar hospital tetapi maseh dalam rawatan.

**Tangga Gaji :**

B. 2 EB. 3 — B$1975-2050-2125-2205-2285 - 2365 - 2445 - 2525-2610-2690 - 2775 - 2870 - 2965-3070-3175 - 3280 / E B / 3350-3445-3540-3640.

**Sharat2 Lantekan :**

Chalon2 yang bukan ra'ayat Brunei akan di-tawarkan kontrek tiga tahun dengan kadar baksis 25% daripada gaji setelah genap menamatkan tempoh kontrek.

Mereka yang terdiri dari ra'ayat Brunei akan di-lantek ka-jawatan tetap setelah menjalani satu tempoh perchubaan.

Pada masa ini tidak ada Chukai Pendapatan di-kenakan di-Brunei.

Permohonan2 mesti-lah di-hantar dalam dua salinan borang yang boleh di-dapati daripada Jabatan Perjawatan, Brunei dan hendak-lah di-kembalikan bersama2 dengan salinan surat2 akuan dan sijil2 tidak lewat dari 17hb Januari, 1981.

(E/395/80)
(Bil : 170/1980)

## KENYATA'AN TAWARAN

### TAWARAN BAGI MEMBEKALKAN CONCRETE SLAB 2' X 2' X 2" UNTOK JABATAN DAERAH TUTONG BAGI TAHUN 1981

PEMBORONG2 tempatan ada-lah di-pelawa bagi menghantar tawaran mereka untok membekalkan Concrete Slab bagi keperluan Jabatan Daerah Tutong.

2. Semua tawaran hendak-lah di-hantar kapada Pengerusi Lembaga Tawaran di-alamat Pejabat Kewangan Brunei dan hendak-lah di-masokkan dalam sampul surat berdaftar (sealed) dan sampul surat tersebut hendak-lah di-tulis dengan perkataan "TAWARAN MEMBEKALKAN CONCRETE SLAB JABATAN DAERAH TUTONG UNTOK TAHUN 1981" sahaja tanpa membuboh nama pengirim.

3. Semua tawaran hendak-lah sampai kapada Pengerusi Lembaga Tawaran di-alamat Pejabat Kewangan Negara tidat lewat pada 30hb Disember, 1980 jam 4.00 petang dan jika ada tawaran yang di-terima lewat dari tarikh dan jam di-nyatakan itu tidak akan di-layan.

4. Penentuan2-nya (specification) bagi pembelian Concrete Slab itu boleh-lah di-perolehi daripada Pegawai Daerah Tutong pada bila2 masa waktu pejabat di-buka (terutama-nya perkara yang bersangkutan dengan chara buatan dan bilangan yang di-kehendaki).

5. Kerajaan tidak akan terikat menerima sebarang tawaran yang lebeh murah atau sa-umpama-nya.

## TENDER NOTICE

TENDERS are invited for the supply of the following items of Agricultural Machinery.

1. Ten units Power Tillers Yanmar YZ8N or equivalent, each with the following specifications:—
   (a) 8 — 10HP Diesel water cooled engine.
   (b) Fitted with Rotary Hoe suitable for dry and wet cultivations.
   (c) Tail skid/Tail Wheel.
   (d) 2 cage wheels not less than 16" wide each.
   (e) Fitted with quick change Rotary Hoe system.
   (f) To supply one of two sided ridge body per machine.
   (g) Spare parts must be available in Brunei.
2. One unit Yanmar 330T 33HP Diesel Engine Tractor or equivalent with the following specifications: —
   (a) Three Point Hydraulic Linkage.
   (b) Check Chain.
   (c) Drawbar.
   (d) Cage Rear-Wheels.
   (e) Front Tyres 5.50 x16 4 ply.
   (f) Rear Tyres 12.4 x 11.28 4 ply.
   (g) Front-end weights.
   (h) Lights including Plough Light
   (i) Sun Canopy.
   (j) Four Speed Power Take Off Shaft.
   (k) Adjustable width front and rear wheels.
   (l) Independent rear sealed brakes.
   (m) Spare parts must be available in Brunei.
3. One unit Howard HL60 Rotavator Cultivator or equivalent with the following specifications : —
   (a) 5-5½ ft. wide.
   (b) Could be operated by a 33HP tractor from the power take off shaft.
   (c) Fitted with sealed bearings.
   (d) Power take off shaft must be fitted with safety guard.
   (e) Spare parts must be available in Brunei.

Further information on specifications of the above items including details of standard list of spares to be supplied with items, may be obtained from the Farm Machinery Engineer, the Department of Agriculture Workshop, Kilanas, Mile 9½, Jalan Tutong, Tel: No. 85-352, 85-353, 85-354 during office hours.

Tenders should be submitted in a plain sealed envelope with no indication of the tenderer's name or address but clearly marked:—

AGRICULTURE
TRACTORS AND
IMPLEMENT —
DEPARTMENT OF
AGRICULTURE

not later than 12.00 noon on Monday 15th December, 1980.

Tenders received after this date will be rejected.

The Government of Brunei does not bind itself to accept the lowest or any tender.

## PUBLIC WORKS DEPT. TENDER NOTICES

### No. 181 OF 1980

TENDERS will be received from Class "A" only P.W.D. Brunei registered contractors by Tenders Board, Brunei up to 12.00 noon on 9th December, 1980 for : —

CONSTRUCTION OF FIVE (5) BLOCKS OF CLASS "B" KINABALU TYPE FOR DISTRICT STAFF HOUSING, TUTONG.

Tender documents and all particulars may be seen at the Office of Public Works Department, Bandar Seri Begawan, Brunei.

### No. 182 OF 1980

TENDERS will be received from Class "A" only P.W.D. Brunei registered contractors by Tenders Board, Brunei up to 12.00 noon on 9th December, 1980 for : —

CONSTRUCTION AND COMPLETION OF PROPOSED MALAY SCHOOL FOR ROYAL BRUNEI MALAY REGIMENT AT FIRST FLOTILLA BASE, MUARA, BRUNEI.

Tender documents and all particulars may be seen at the office of Public Works Department, Bandar Seri Begawan, Brunei.

### No. 183 OF 1980

TENDERS will be received from Class "B" and above P.W.D. Brunei registered contractors by Tenders Board, Brunei up to 12.00 noon on 9th December, 1980 for:—

CONSTRUCTION OF MOSQUE FOR KAMPONG PUNI, TEMBURONG, BRUNEI.

Tender documents and all particulars may be seen at the office of Public Works Department, Bandar Seri Begawan, Brunei.

### No. 184 OF 1980

TENDERS will be received from Class "B" and above P.W.D. Brunei registered contractors by Tenders Board, Brunei up to 12.00 noon on 16th December, 1980 for : —

CONSTRUCTION OF MOSQUE FOR KAMPONG LABU ESTATE TEMBURONG, BRUNEI.

Tender documents and all particulars may be seen at the office of Public Works Department, Bandar Seri Begawan, Brunei.

### No. 185 OF 1980

TENDERS will be received from Class "AX" and above P.W.D. Brunei registered contractors by Tenders Board, Brunei up to 12.00 noon on 16th December, 1980 for : —

REMEDIAL WORKS AT CHURCHILL MEMORIAL BUILDING (FISHERIES DEPARTMENT) BANDAR SERI BEGAWAN, BRUNEI.

Tender documents may be seen and all particulars obtained at the office of Public Works Department, Bandar Seri Begawan, Brunei.

### No. 186 OF 1980

TENDERS will be received from Class "AX" and above P.W.D. Brunei registered contractors by Tenders Board, Brunei up to 12.00 noon on 16th December, 1980 for : —

THE SUPPLY AND DELIVERY OF CRUSHER-RUN STONES TO MILE 31½ LAMUNIN/RAMBAI ROAD, TUTONG DISTRICT.

Tender documents and all particulars may be seen at the office of Public Works Department, Bandar Seri Begawan, Brunei.

### No. 187 OF 1980

TENDERS will be received from Class "B" and above P.W.D. Brunei registered contractors by Tenders Board, Brunei up to 12.00 noon on 16th December, 1980 for : —

THE CONSTRUCTION OF SECURITY FENCING TO RESERVED AREAS GADONG POLICE HEADQUARTERS, BRUNEI.

Tender documents and all particulars may be seen at the office of Public Works Department, Bandar Seri Begawan, Brunei.

### No. 188 OF 1980

TENDERS will be received from Local Registered Suppliers by Tenders Board, Brunei up to 12.00 noon on 9th December, 1980 for : —

SUPPLY OF CURTAINS AND CUSHION COVERS FOR THE KIULAP GENERAL HOSPITAL, BRUNEI.

Tender documents and all particulars may be seen at the office of Public Works Department, Bandar Seri Begawan, Brunei.

### No. 189 OF 1980

TENDERS will be received from Class "C" and above P.W.D. Brunei registered contractors by Tenders Board, Brunei up to 12.00 noon on 16th December, 1980 for : —

RAISING EXISTING SEWER MANHOLES BANDAR SERI BEGAWAN AND TUTONG SEWERAGE SCHEME.

Tender documents and all particulars may be seen at the office of Public Works Department, Bandar Seri Begawan Brunei.

### No. 190 OF 1980

FRESH Tenders will be received by the Tenders Board, Brunei up to 12.00 noon on 6th January, 1981 for:—

SUPPLY OF WATER TOWER AT HOUSE OF Y.T.M. S.D. PENGIRAN PEMANCHA AT ISTANA DARUL-HANA, BANDAR SERI BEGAWAN, BRUNEI.

Tender documents may be seen and all particulars obtained at the office of Public Works Department, Bandar Seri Begawan, Brunei.

## TENDER NOTICE

### REMOVAL OF LUBRICATING OIL — ROYAL BRUNEI MALAY REGIMENT

1. TENDERS are invited for the Removal Of Lubricating Oil from all Camps of the Royal Brunei Malay Regiment for a period of two years commencing 1st January, 1981.

3. The removal of Lubricating Oil is required every first week of calendar month. The tender is to state price per gallon on every collection made. Enquires on removal instructions can be made to DAQMG 2 Office, Regimental Headquarters, Berakas Garrison.

4. Tenders are to be submitted to the Chairman Brunei Tenders Board, Bandar Seri Begawan by 4.00 p.m. Saturday 30th December 1980. All tenders to be submitted in a plain sealed envelope and should be endorsed "REMOVAL OF LUBRICATING OIL ROYAL BRUNEI MALAY REGIMENT BERAKAS GARISON".

5. The Government of Brunei does not bind itself to accept the lowest or any tender.

## B.S.P. TENDER NOTICE NO. 23/80

Item 1 — 1 Unit Supply Boat

**SPECIFICATIONS**

Name of Vessel : Likap, Port of Registry : Miri.
Registration No. : MI-460, Date built : 1968.
Classification Society : Sarawak.
Shipyard: Vosper Thornycroft No. Crew : 15 No. Pax : —
Dimensions L.O.A. : 149' 0", L.B.P. : 142' 6.5".
Beam : 34' 0.7", Depth Moulded : 10' 8.6"
Draft Length Mean : 2' 11", Loaded Mean : 9' 5".
Displacement Light : 309.71, Loaded : 1110.05.
Tonnage Gross : 480.72, Nett : 270.40.
Speed Cruising : 10 Knots, Range : + 2000 Miles.
Fuel Consumption : + 50 GLS/H, Capacity : 44 Tons.
Potable Water Capacity : 7.5 Tons.
Main Engines Make : Caterpillar D379 B, B.H.P. : 2 x 565.
Generators Make : Caterpiller.
Pumps Make : Haworthy.
Propellors : 2 54" x 48" 4 Bladed.
Cargo Drill Water : 750 Tons.

**Note :** Above item can be viewed at SMR/21.

### TERMS OF TENDERING

1. Tenders shall be deemed to be irrevocable and open for acceptance by the Company for a period of 14 days from the closing date.
2. All tenderers should enclose a copy of their Bankers letter stating that the amount he is bidding could be paid within 10 days after the receipt of the COMPANY's written notice.
3. The items to be sold are sold on an 'as is' 'where is' basis and the successful tenderer must : —
   a) pay to the COMPANY the total sum tendered for within 10 calendar days after receipt of the COMPANY's written notice.
   b) remove the materials entirely at his own expense within 4 working days otherwise the COMPANY will treat this tender null and void, and or charge rent at the rate B$500.00 per day.
4. The COMPANY further reserves the right : —
   a) To refuse to accept any or all tenders submitted, and
   b) To withdraw any or all the items before acceptance of any tenderer's offer.
5. The COMPANY accepts no liability whatsoever for the sale of the above materials/equipment, which is sold subject to faults and defects, if any, and without any condition or warranty as to the quality and fitness for purpose required or otherwise. A letter of indemnity signed by the purchaser will be required by the COMPANY before release of goods.
6. In most cases the items to be sold may be viewed on any working day on application to : —
   Brunei Shell Petroleum Company Limited,
   Supplies Department
   Local Market Development and Disposal Section,
   SERIA.
   (SSU-15, Tel. No. NIA 536 or 403)
7. The closing date for receipt of Tenders shall be 8.00 a.m. on 15th December 1980. Tenders should be adddressed in sealed envelopes to : —
   Supplies Superintendent,
   B.S.P. Co. Ltd.,
   SERIA.
   "Endorsed : Tender Notice No. 23/80"
8. The submission of a tender shall be deemed to constitute acceptance by the Tenderers of all the terms of tendering set out herein.

## Brunei Shell Petroleum Co., Ltd.

### INVITATION TO TENDER

BRUNEI SHELL PETROLEUM COMPANY LIMITED invites tenders from B.S.P. approved contractors for : —

**CATEGORIES 6 & 32 —**
**TENDER No. LEN/173-80.**
Replacement of existing galvanised piping in the drinking water system by new galvanised piping as detailed in specification No. FP0104.

For further information please refer to Tender Notice on B.S.P. Tender Notice Boards.

## Brunei Shell Petroleum Co., Ltd.

### INVITATION TO TENDER

BRUNEI SHELL PETROLEUM COMPANY LIMITED invites tenders from B.S.P. approved contractors for

1) **CATEGORIES 3 and 32 —**
   **TENDER No. EPS/166-80**
   Modification to Power Plant Control Room for Noise Reduction.
2) **CATEGORIES 2 and 9 —**
   **TENDER No. EPS/171-80**
   Construction of r.c. pipe rack supports and aprons and extension of 4 in. dia. waterline for Brunei Rentis, Telisai.
3) **CATEGORIES 4 and 32 —**
   **TENDER No. EPS/172-80**
   Construction of steel support foundation, slab, pipe support and steel work for sludge Disposal Plant Water Filtration Plant, Seria.

For further information please refer to Tender Notice on B.S.P. Tender Notice Boards.

# JAWATAN2 KOSONG DAN PEMBERITAHUAN TAWARAN

## DI-JABATAN KERJA RAYA, BRUNEI

PERMOHONAN2 ada-lah di-pelawa daripada chalon2 yang berkelayakan untok memenohi jawatan2 kosong yang berikut di-Jabatan Kerja Raya, Brunei.

1. KETUA PEMBANTU TEKNIK :

**Kelayakan2 dan Pengalaman:**

a) Mesti-lah mempunyai Higher National Diploma dalam Kejuruteraan Awam dari sa-sebuah Maktab Teknikal yang di-iktiraf atau kelulusan yang sebanding dengan-nya.

b) Mesti-lah mempunyai sekurang2-nya 6 tahun pengalaman dalam salah satu atau lebeh, dari lapangan2 berikut:—

Kejuruteraan Awam; Kerja2 Bangunan; Ukor Kuantiti; Kerja2 Kejuruteraan Mechanical; Kerja2 Ayer dan/atau Parit dan Tali Ayer; Kerja2 Saloran Najis dan Kerja2 Pembenaan Structural dan Jalan Raya. Satu kekosongan ada-lah untok chalon yang mempunyai pengalaman dalam kerja2 pemasangan dan pemeliharaan 'panel' Kawalan Letrik; pemeliharaan dan pemasangan pam2 saloran najis.

**Tangga Gaji :**

C. 3-4 EB. 5 — B$1735-1795-1855-1915 - 1980 - 2035 - 2095-2155-2215 - 2280 / EB / 2335 - 2395-2455-2515-2580. Gaji permulaan bergantong kapada kelayakan2 dan pengalaman.

2. PEMBANTU TEKNIK KANAN :

**Kelayakan2 dan Pengalaman:**

a) Berumor di-antara 25 hingga 55 tahun.

b) Mempunyai Higher National Diploma dari Maktab Teknikal yang di-iktiraf atau City and Guilds Final Certificate dalam mata pelajaran2 yang berkenaan atau mempunyai kelulusan yang di-iktiraf sebanding dengan-nya.

c) Mempunyai sekurang2-nya 4 tahun pengalaman praktikal dalam salah satu, atau lebeh, daripada lapangan2 berikut:—

Kejuruteraan Awam; Bangunan; Ukor Kuantiti; Kerja2 Ayer dan/atau Parit dan Tali Ayer; Kerja2 Saloran Najis; Kerja2 Kejuruteraan Mechanical; Kerja2 Pembenaan (Structural) dan Kerja2 Pembenaan dan Pemeliharaan Jalan Raya.

**Tangga Gaji :**

C.2 EB.3—$1260-1305-1350-1395 - 1445 - 1495 - 1545-1615-1685 / E B / 1735 - 1795-1855-1915-1980. Gaji permulaan bergantong kapada kelayakan2 dan pengalaman.

**Sharat2 Lantekan :**

Chalon2 yang bukan raayat Brunei akan di-tawarkan kontrek tiga tahun dengan kadar baksis 25% daripada gaji sa-telah genap menamatkan tempoh kontrek.

Mereka yang terdiri dari raayat Brunei akan di-lantek ka-jawatan tetap sa-telah menjalani satu tempoh perchubaan.

Pada masa ini tidak ada Chukai Pendapatan di-kenakan di-Brunei.

Permohonan2 mesti-lah dihantar dalam dua salinan borang yang boleh di-dapati daripada Jabatan Perjawatan, Brunei dan hendak-lah dikembalikan bersama2 dengan salinan surat2 akuan dan sijil2 tidak lewat dari 17hb Januari, 1981.

(E/162/73)
(Bil: 164/1980)

## Sa-bagai Tradesman Tingkat I

PERMOHONAN2 ada-lah di-pelawa daripada chalon2 yang terdiri dari raayat D.Y.M.M. Sultan untok memenohi jawatan kosong sa-bagai Tradesman Tingkat I (Electrician) di-Jabatan Perubatan dan Kesehatan, Brunei.

**Kelayakan2 dan Pengalaman:**

a) Lulus kursus latehan bagi Juruteknik2 Letrik dari sa-sebuah Sekolah Pertukangan yang di-iktiraf.

b) Chalon2 yang mempunyai lima tahun pengalaman dalam kerja2 pembaikan dan penyenggaraan umom boleh juga memohon.

**Tugas2 :**

a) Membaiki dan menyenggara semua alat2 dan perkakas letrik.

b) Sanggup untok bertugas di-luar waktu berkerja biasa bila2 masa di-kehendaki.

**Tugas2 :**

E.1-2-3 EB. 4 — $410-425-440-455-470-485-500-515-530-545-560-575-590-605/EB/620-630-645-660-680-700.

Sa-seorang yang sedang berkhidmat dengan Kerajaan hendak-lah menghantar permohonan-nya melalui Ketua Jabatan-nya dan Ketua Jabatan itu hendak-lah menyertakan bersama2 dengan permohonan ini satu Laporan Sulit dan satu salinan Rekod Perkhidmatan yang lengkap.

Permohonan2 mesti-lah dihantar dalam dua salinan borang yang boleh di-dapati daripada Jabatan Perjawatan, Brunei dan hendak-lah dikembalikan bersama2 dengan salinan surat2 akuan dan sijil2 tidak lewat dari 5hb Januari, 1981.

(E/1857/80)
(Bil : 166/1980)

## Sa-bagai Kerani dan Jurutaip

PERMOHONAN2 ada-lah di-pelawa daripada chalon2 yang terdiri dari raayat D.Y.M.M. Sultan untok memenohi jawatan kosong sa-bagai Kerani/Jurutaip di-Jabatan Radio Talivishen Brunei.

**Kelayakan2 dan Pengalaman:**

a) Pemohon2 mesti-lah berumor antara 18 hingga 35 tahun dan lulus Tingkatan III atau sebanding dengan-nya.

b) Boleh menaip sekurang2-nya 40 perkataan dalam sa-minit.

c) Mempunyai kelayakan Trengkas merupakan satu kelebehan.

**Tangga Gaji :**

D. 1-2-3 EB. 4-5—$425-440-455-470-485-500-515-535-555 - 580-605-630-655-720-755-790 - 825-860-900 / EB / 980-1010 - 1040-1070-1105 - 1140 - 1175 - 1200-1230-1260-1290. Gaji permulaan bergantong kapada kelayakan2 dan pengalaman.

Sa-seorang yang sedang berkhidmat dengan Kerajaan hendak-lah menghantar permohonan-nya melalui Ketua Jabatan-nya dan Ketua Jabatan itu hendak-lah menyertakan bersama2 dengan permohonan ini satu Laporan Sulit dan satu salinan Rekod Perkhidmatan yang lengkap.

Permohonan2 mesti-lah dihantar dalam dua salinan borang yang boleh di-dapati daripada Jabatan Perjawatan, Brunei dan hendak-lah dikembalikan bersama2 dengan salinan surat2 akuan dan sijil2 tidak lewat dari 5hb Januari, 1981.

(E/936/74)
(Bil : 167/1980)

## Sa-bagai Penjaga Malam

PERMOHONAN2 ada-lah di-pelawa daripada chalon2 yang terdiri dari raayat D.Y.M.M. Sultan untok memenohi jawatan kosong sa-bagai Penjaga Malam di-Jabatan Kehutanan, Brunei.

**Kelayakan2 :**

Pemohon2 mesti-lah berumor tidak kurang dari 20 tahun ka-atas dan sekurang2-nya boleh menulis dan membacha. Pemohon2 ada-lah dikehendaki untok menjalani pepereksaan mata.

**Tangga Gaji :**

F.1-2 EB.3 — $350-360-370-380-390-400-410-420/EB/430-440-450-460-470.

**'Am :**

Permohonan2 yang berjaya akan bertugas di-Balai Pemereksaan Barang2 Hutan di-Sungai Liang. Rumah dan kenderaan tidak di-sediakan.

Sa-seorang yang sedang berkhidmat dengan Kerajaan hendak-lah menghantar permohonan-nya melalui Ketua Jabatan-nya dan Ketua Jabatan itu hendak-lah menyertakan bersama2 dengan permohonan ini satu Laporan Sulit dan satu salinan Rekod Perkhidmatan yang lengkap.

Permohonan2 mesti-lah dihantar dalam dua salinan borang yang boleh di-dapati daripada Jabatan Perjawatan, Brunei dan hendak-lah dikembalikan bersama2 dengan salinan surat2 akuan dan sijil-sijil tidak lewat dari 8hb Disember, 1980.

(E/1068/80)
(Bil : 157/1980)

## ELECTRICAL DEPT TENDER NOTICE

**SERIAL No. 20(AC)80**

**AIR CONDITIONING INSTALLATION**

1. TENDERS will be received by the Chairman of the Tenders Board at the office of the State Financial Officer, Government Offices, Bandar Seri Begawan, from Registered Grade A, B and C air conditioning contractors up until 12.00 noon on Tuesday 16th December, 1980 for the : —

"AIR CONDITIONING INSTALLATION X-RAY DEPARTMENT DISTRICT HOSPITAL, TUTONG".

2. Tenders received after the stated time will be rejected.

3. Tenders shall be submitted in plain sealed envelope with no indication of the tenderer's name or address and shall be marked 'Air Conditioning Installation, X-Ray Department District Hospital, Tutong."

4. The Form of Tender including specification and drawing can be obtained from the office of the Chief Electrical Engineer, Bandar Seri Begawan, Brunei.

5. The Tender deposit of $200.00 shall be in the form of a cheque refundable only to all unsuccessful tenderers upon the receipt of a bona fide tender.

6. The Government does not bind itself to accept the lowest or any tender.

## TENDER NOTICE

**SUPPLY OF HEAVY DUTY PLASTIC RUBBISH BINS**

1. TENDERS are invited for the supply of Heavy Duty Plastic Rubbish Bins for one year commencing 1st January 1981. The total quantity required is 1500 Bins. The size is 85 liters and 3 mm thick.

2. Delivery is required in 12 phases, each delivery comprise of 125 bins and to take place on the first week of each calendar month to Transit, Royal Brunei Malay Regiment, Logistics Depot, Berakas Garrison.

3. Enquires on specification can be made to DAQMG 2, Regimental Headquarters, Royal Brunei Malay Regiment, Berakas Garrison.

4. Tenders will be received by the Chairman, Tenders Board at the office of the State Financial Officer, Bandar Seri Begawan at 4.00 p.m. Thursday 11th December 1980.

5. Tender must be placed in a plain sealed envelope. There must be no indication on the envelope of the name of the tenderer. The envelope should be endorsed "SUPPLY OF HEAVY DUTY PLASTIC RUBBISH BINS TO ROYAL BRUNEI MALAY REGIMENT BERAKAS GARRISON."

6. The Government of Brunei does not bind itself to accept the lowest tender.

## Penyunting di-Bahagian Penerangan

PERMOHONAN2 ada-lah di-pelawa daripada chalon2 yang berkelayakan untok memenohi jawatan kosong sa-bagai Penyunting di-Bahagian Penerangan, Jabatan Setia Usaha Kerajaan, Brunei.

**Kelayakan2 dan Pengalaman**

a) Lulus Sijil Persekolahan Seberang Laut atau yang sebanding dengan-nya.

b) Pegawai tetap di-perkhidmatan Kerajaan yang telah berkhidmat sekurang2-nya sa-lama tiga tahun dalam sa-buah akhbar atau pun mempunyai Diploma Kewartawanan yang di-iktiraf dan mempunyai pengalaman sa-bagai pemberita dan penyunting sa-lama dua tahun.

c) Hendak-lah boleh bertutor dan menulis dalam Bahasa Melayu dan Inggeris dengan faseh-nya. Pengetahuan yang baik dalam hal ehwal sa-masa merupakan suatu kelebehan.

**Tugas2 :**

Menyunting, menulis siaran akhbar dan mengarang bahan2 penerbitan Pejabat Penerangan.

**Tangga Gaji :**

C.2 EB.3—$1260-1305-1350-1395 - 1445 - 1495 - 1545-1615-1685 / E B / 1735 - 1795-1855-1915-1980. Gaji permulaan bergantong kapada kelayakan2 dan pengalaman.

**Sharat2 Lantekan :**

Chalon2 yang bukan raayat Brunei akan di-tawarkan kontrek tiga tahun dengan kadar baksis 25% daripada gaji setelah genap menamatkan tempoh kontrek.

Mereka yang terdiri dari raayat Brunei akan di-lantek ka-jawatan tetap setelah genap menamatkan tempoh kontrek.

Pada masa ini tidak ada Chukai Pendapatan di-kenakan di-Brunei.

Permohonan2 mesti-lah dihantar dalam dua salinan borang yang boleh di-dapati daripada Jabatan Perjawatan, Brunei dan hendak-lah dikembalikan bersama2 dengan salinan surat2 akuan dan sijil2 tidak lewat dari 5hb Januari, 1981.

(E/247/75)
(Bil : 158/1980)

## J.K.R. PEMBERITAHUAN TAWARAN

**SERIAL No. KB28/1980**

TAWARAN2 akan di-terima oleh Lembaga Tawaran, Brunei daripada Kontrektor2 Kelas C sahaja dan ka-atas yang berdaftar dengan Jabatan Kerja Raya, Brunei sa-hingga jam 12.00 tengah hari pada 9hb Disember, 1980 bagi:—

CLEARING OF RENTIS ALONG THE FUMPING MAIN THAT RUNS FROM BADAS PUMPING STATION TO THE SERIA WATER TREATMENT WORKS.

Surat2 keterangan serta butir2 lain boleh di-lihat dan di-dapati di-Jabatan Kerja Raya, Kuala Belait.

**SERIAL No. KB28/1980**

TENDERS will be received from Class C only and above Brunei Registered Contractors by Tenders Board, Brunei up to 12.00 noon on 9th December. 1980 for : —

CLEARING OF RENTIS ALONG THE PUMPING MAIN THAT RUNS FROM BADAS PUMPING STATION TO THE SERIA WATER TREATMENT WORKS.

Tender documents and all particulars may be seen at the office of Public Works Department, Kuala Belait.

## Sa-bagai Tradesman Tingkat I

PERMOHONAN2 ada-lah di-pelawa daripada chalon2 yang terdiri dari ra'ayat D.Y.M.M. Sultan untok memenohi jawatan kosong sa-bagai Tradesman Tingkat I di-Jabatan Bandaran, Bandar Seri Begawan, Brunei.

**Kelayakan2 dan Pengalaman:**

a) Pemohon2 mesti-lah lulus sekurang2-nya Tingkatan II Sekolah Melayu atau yang sebanding dengan-nya.

b) Telah berkhidmat dengan Kerajaan sekurang2-nya tiga tahun dan mempunyai pengalaman dalam pekerjaan sa-bagai Mekanik Injin yang menggunakan minyak petrol.

c) Pemohon2 yang mempunyai Sijil Kelulusan Teknikal ada-lah satu kelebehan.

**Tangga Gaji :**

E. 1-2-3 EB. 4 — $410-425-440-455-470-485-500-515-530-545-560-575-590-605/EB/620-630-645-660-680-700.

Sa-seorang yang sedang berkhidmat dengan Kerajaan hendak-lah menghantar permohonan-nya melalui Ketua Jabatan-nya dan Ketua Jabatan itu hendak-lah menyertakan bersama2 dengan permohonan ini satu Laporan Sulit dan satu salinan Rekod Perkhidmatan yang lengkap.

Permohonan2 mesti-lah dihantar dalam dua salinan borang yang boleh di-dapati daripada Jabatan Perjawatan, Brunei dan hendak-lah dikembalikan bersama2 dengan salinan surat2 akuan dan sijil2 tidak lewat dari 5hb Januari, 1981.

(E/436/72)
(Bil : 165/1980)

## TENDER NOTICE

1. TENDERS will received by the Chairman of the Tenders Board at the office of the State Financial Officer, Secretariat Building, Bandar Seri Begawan, Brunei from P.W.D. registered Class 'A' Contractor for : —

PROPOSED EXTENSION TO PRIMARY SCHOOL AT KIUDANG, JALAN KUALA ABANG, TUTONG.

2. Tender documents may be obtained from the office of:—

Akitek Ibrahim
210, Perdana
Shopping Complex,
Mile 1, Jalan Tutong,
Bandar Seri Begawan,
Brunei

from 8th December 1980 onwards during normal office hours, upon the payment of the tender deposit of $1,000.00 made in favour of the Government of Brunei.

3. Tenders must be submitted in the envelopes provided and must reach the office of:—

The Chairman,
Tenders Board,
Secretariat Building,
Bandar Seri Begawan,
Brunei

not later than 12.00 noon 30th December 1980. Tenders received after the stipulated time will be rejected.

4. Tenders deposit will be refunded to non-successful tenderers who have submitted bona-fide tender and on the return of tender documents in good condition.

5. The Government of Brunei is not bound to accept the lowest or any tender.

## TENDER NOTICE

1. TENDERS are invited for the supply of :

| No. | Items | Qty. |
|---|---|---|
| a. | Round Tray 20" | 12 |
| b. | Large Melamine Oval Plate | 100 |
| c. | Fork Table Steel | 300 |
| d. | Serving Spoon Steel | 300 |
| e. | Cup and Saucer | 300 |
| f. | Tea Pot Steel | 24 |
| g. | Round Plate Melamine Small | 300 |
| h. | Large Round Melamine Plate | 300 |
| i. | Medium Melamine Oval Plate | 100 |

2. The tender should state price. Samples can be made to DAQMG 2 Office, Regimental Headquarters, Royal Brunei Malay Regiment, Berakas Garrison.

3. Tender will be received by the Chairman Tenders Board at the Office of the State Financial Officer, Bandar Seri Begawan at 4.00 p.m. Saturday 13th December 1980.

4. Tender must be placed in a plain sealed envelope. There must be no indication on the envelope of the name of the tenderer. The envelope should be endorsed "SUPPLY OF MELAMINE ITEMS TO ROYAL BRUNEI MALAY REGIMENT BERAKAS GARRISON".

5. The Government of Brunei does not bind itself to accept the lowest or any tender.



# TYT lawat Kampong Batu Marang

KAMPONG BATU MARANG.—Tuan Yang Terutama Pesurohjaya Tinggi British di-Brunei, Awg Arthur Watson telah membuat satu lawatan sengkat ka-Kampong Batu Marang di-Daerah Brunei-Muara pagi Isnin lalu.

Turut serta di-dalam rombongan Tuan Yang Terutama itu termasok-lah isteri dan anak perempuan beliau, Pegawai Daerah Brunei-Muara, Dato Paduka Haji Abdullah bin Haji Jaafar dan pegawai2 kanan Kerajaan yang lain.

Ketibaan rombongan itu telah di-sambut oleh Penghulu Mukim Mentiri, Pg Hj Kahar Pg Hj Besar yang kemudian-nya membawa para pelawat tersebut menyaksikan keadaan sekitar perkampongan dan seterus-nya beramah-mesra dengan pendudok2 di-situ.

Kampong Batu Marang kini di-lengkapi dengan letrik dan banyak kemudahan2 ayer dan lain-lain yang diberikan oleh Kerajaan. Ianya di-diami oleh kira2 2,000 orang pendudok.

Gambar atas menunjokkan TYT Awg Arthur Watson menerima penerangan mengenai dengan salah satu peralatan menangkap ikan daripada Awg Lim Jock Seng, Timbalan Pengarah Muzium Brunei dengan di-saksikan oleh Pegawai Daerah Brunei-Muara, Dato Paduka Haji Abdullah (kiri sekali).

# SHOR TUBOH BANK NEGARA

Oleh: SHADOON LAMZI



Y.B. Awang Haji Abdul Latif

BANDAR SERI BEGAWAN. — Kerajaan telah di-shorkan supaya mengadakan satu undang2 untok mengawal bank yang terdapat di-negara ini supaya mengambil perhatian berat dan memberikan keutamaan pinjaman terhadap peniaga2 Melayu dengan mengenakan "interest" yang rendah daripada 10 peratus atau pun mendirikan sabuah Bank Negara yang akan membantu projek2 kemajuan ahli2 perniagaan Melayu.

Shor tersebut di-timbulkan oleh Yang Berhormat Awg Haji Abdul Latif bin Abd. Hamid yang berucap selaku wakil peserta2 kursus bimbingan peniaga2 Melayu di-dalam majlis penyampaian sijil2 penyertaan kursus tersebut bertempat di-Bilek Kuliah Tugu Peringatan Churchill di-sini, Khamis lalu.

Di-dalam uchapan beliau seterus-nya, Awg Hj Abdul Latiff menegaskan yang kedudokan ahli2 peniaga2 bumiputera pada ketika ini kelihatan sudah bergerak chergas dan sudah masok ka-dalam gulongan ahli2 perniagaan yang menggunakan sistem2 baru tetapi kemajuan yang mereka chapai pada detik ini jika di-banding-kan dengan kemajuan ahli2 perniagaan bangsa lain ternyata maseh tertinggal di-belakang.

"Jika di-gesa pun ahli peniaga2 Melayu ini supaya menggunakan tenaga yang lebeh kuat, juga maseh belum dapat menyaingi ahli2 perniagaan bangsa lain itu, apa lagi hendak mengalahkan-nya kerana kekuatan ahli2 perniagaan Melayu juga baru menyusun langkah sa-chara bersistem ini maseh lagi belum mempunyai tenaga yang chekap dan modal pun belum lanjar," tambah beliau.

Bersangkutan dengan sokongan2 bank terhadap pembangunan peniaga2 Melayu kita, beliau menjelaskan yang perundingan2 yang di-jalankan di-antara kedua2 belah pehak kadang2 menemui jalan buntu di-sebabkan chagaran2 yang keterlaluan yang di-perlukan oleh pehak bank yang tidak dapat di-adakan oleh peniaga2 yang memerlukan sokongan kewangan. "Alhamdullilah Kerajaan DYMM Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Dipertuan telah menyedari perkara ini dan telah mengambil langkah untok memberi bantuan," tambah beliau.

"Sa-telah kita ketahui kedudokan dan kesulitan ahli2 perniagaan Melayu itu, tidak-lah dapat kita paksakan kapada mereka menggunakan tenaga yang lebeh kuat lagi supaya dapat menandingi peniaga2 bangsa lain itu melainkan menchari jalan untok menyelesaikan-nya sama ada dengan jalan mengadakan suatu peratoran khas yang boleh memberikan keutamaan kapada ahli2 perniagaan Melayu sa-umpama memberikan suatu jangka tawaran yang khusus untok di-berikan kapada ahli2 perniagaan Melayu sahaja saperti harga yang tidak lebeh satu juta atau sa-bagai-nya atau pun jika ahli2 perniagaan Melayu menghadapkan sa-suatu tawaran yang melebehi sa-takat 10 peratus daripada tawaran peniaga2 lain maka kelebehan maseh di-sifatkan sa-bagai tawaran yang terendah dan maseh di-utamakan," tambah beliau.

Turut beruchap di-majlis tersebut ia-lah Awang Selamat bin Munap, Pengarah Lembaga Kemajuan Ekonomi.



PESERTA2 kursus bergambar ramai kenang2an sa-lepas majlis penyampaian sijil dan penutop kursus.

# Keindahan Masjid

Dari muka 1

"Ada-lah menjadi harapan saya supaya pendudok mukim masjid akan menggunakan bangunan ini untok tujuan2 beribadat dan melakukan perkara2 yang berkebajikan termasok-lah bagi mengukohkan perpaduan dan kerjasama di-kalangan mereka untok menchapai taraf hidup yang lebeh baik," tegas Pengarah Kerja Raya itu dengan penoh harapan.

Keindahan bangunan masjid, kata-nya lagi, tidak akan membawa erti jika para pendudok di-mukim masjid itu tidak menghidupkan suasana masjid dengan kegiatan2 ibadat dan amal2 kebajikan.

Bangunan masjid yang menjadi simbol keagongan umat Islam dan tempat meninggikan shi'ar Islam itu tidak akan mengilaukan seri-nya dan chahaya-nya akan malap kalau ia-nya terbiar kosong, tambah-nya.

# Perkhidmatan Pos Bergerak

BANDAR SERI BEGAWAN. — Jabatan Perkhidmatan Pos mulai minggu ini telah memulakan Perkhidmatan Pos Bergerak di-beberapa kawasan dan kampong Daerah Brunei dan Muara.

Perkhidmatan yang telah di-mulai pada 1hb Disember itu akan membuat perjalanan di-beberapa tempat yang telah di-jadualkan dan menjalankan perkhidmatan-nya untok orang ramai di-satu2 persinggahan sa-lama 10 minit.

Perkhidmatan di-berikan bagi menjual setem2, wang2 pos British, Malaysia dan Singapura, perkakas2 pos, surat2 udara, sarong-surat2 berdaftar, peti surat untok rumah2 persendirian dan sa-umpama-nya di-samping menerima pengiriman surat berdaftar.

# Orang ramai di-minta bantu hapuskan nyamok

BANDAR SERI BEGAWAN. — Bersempena dengan minggu kesihatan yang akan bermula pada 8hb Disember depan, Pengarah Perkhidmatan2 Perubatan dan Kesihatan Brunei, Pehin Dato Dr P. I. Franks menyeru orang ramai supaya membantu Jabatan Kesihatan dalam usaha mereka untok menghapuskan nyamok Aedes ia-itu pembawa demam denggi (berita dan jadual kempen muka 4).

Demam denggi yang di-sebabkan oleh nyamok aedes aegypti ada-lah satu penyakit yang merbahaya yang baru2 ini telah di-laporkan menyebabkan beberapa kematian di-Sumatra. Ia-nya ada-lah sa-jenis penyakit yang sukar di-rawat tetapi mudah di-chegah.

Aedes-aegypti yang mana lazim-nya terdapat di-Asia Tenggara sering membiak di-dalam dan di-sekeliling kediaman manusia di-mana di-tempat ayer bertakong saperti tajau2, takongan2 ayer, tayar2 lama, perahu2 yang sedang di-perbaiki, tin2 dan botol2 kosong, lapik2 pasu bunga dan sa-bagai-nya merupakan tempat pembiakan lazim bagi aedes.

Dalam tahun 1969, nyamok aedes telah membiak dengan banyak-nya di-semua bahagian di-negeri ini dan densiti-nya telah berubah dari B.I. 67 di-Kampong Ayer kapada B.I. 266 di-Kuala Belait.

Sa-jauh ini dengan adanya ubat semboran baru yang menggunakan Abate granules untok membunoh jentek2, Jabatan Perubatan dan Kesihatan telah berjaya menghapuskan pembiakan nyamok2 yang terdapat di-seluroh negeri. Bagaimana pun pembiakan-nya yang kechil maseh lagi terdapat di-Kampong Ayer dan Batu Marang.

Dalam usaha Jabatan Perubatan dan Kesihatan untok menghapuskan sama sekali pembiakan nyamok aedes orang ramai ada-lah di-sarankan supaya berkerjasama dengan mereka dengan mengikut nasihat2 berikut : —

a) Membinasakan dan membuang semua tempat2 nyamok membiak.
b) Menukar ayer dalam pasu2 bunga sa-minggu sekali.
c) Sentiasa menutop semua takongan2 ayer dengan kemas dan membersehkan serta menchuchi takongan2 sa-minggu sekali.
d) Memereksa dengan teliti tempat2 nyamok membiak.
e) Membantu kakitangan Jabatan Perubatan apabila mereka datang melawat rumah2 untok membuboh abate.

DI-TERBITKAN OLEH BAHAGIAN PENERANGAN, JABATAN SETIA USAHA KERAJAAN DAN DI-CHETAK OLEH JABATAN PERCHETAKAN KERAJAAN BRUNEI.